





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG MAJLIS PERBANDARAN TAIPING MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan	3
MAJLIS BANDARAYA IPOH MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN Pengurusan Perolehan	22
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI Pengurusan Projek Kecil Pembangunan Luar Bandar	39
PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI Royal Perak Golf Club Berhad	50
PENUTUP	69




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perak.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2013 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan 7 Jabatan/Agensi Negeri dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 11 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
3 Februari 2014



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG MAJLIS PERBANDARAN TAIPING MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU - Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan

1.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab untuk mengurus pengeluaran lesen premis perniagaan, menjalankan pemeriksaan ke atas premis dan menguatkuasakan undang-undang pelesenan. Pengeluaran lesen premis perniagaan dipertanggungjawabkan kepada Unit Pelesenan Jabatan Kesihatan Dan Bandar manakala pemeriksaan premis oleh Unit Pelesenan Jabatan Kesihatan Dan Bandar dan Unit Penguatkuasaan Jabatan Undang-undang. Penguatkuasaan undang-undang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Undang-undang. Mandat untuk mengendalikan pengeluaran lesen dan menguatkuasakan undang-undang tersebut dinyatakan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Seksyen terbabit adalah Seksyen 104 menyatakan tentang penalti boleh dikenakan bagi pelanggaran mana-mana Undang-undang Kecil, kaedah dan peraturan. Seksyen 107 pula menyatakan PBT boleh memberi lesen atau permit dengan menetapkan bayaran lesen atau permit dan caj bagi memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis setelah lesen diberi. Seksyen 107 tersebut juga memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk membatalkan lesen jika melanggar syarat ditetapkan dan memperbaharui lesen setelah tamat tempoh.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 mendapati tahap pengurusan lesen premis perniagaan adalah baik. Ini berasaskan kepada prestasi pengeluaran lesen untuk tempoh 3 tahun melebihi 80% daripada keseluruhan permohonan dan tempoh pengeluaran lesen mencapai tahap 86% berbanding piagam pelanggan. Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dari aspek perundangan, pematuhan kepada Undang-undang Kecil, proses pemantauan dan tindakan penguatkuasaan. Secara ringkasnya penjelasan terhadap pencapaian dan kelemahan pengurusan pelesenan premis perniagaan adalah seperti berikut:

- Prestasi pengeluaran premis perniagaan mencapai tahap 80% dan tempoh pengeluaran lesen mencapai tahap 86% mengikut kehendak piagam pelanggan PBT masing-masing.
- Hasil lesen premis perniagaan tidak dapat dikutip mengikut kelulusan sewajarnya khususnya bagi lesen premis burung walit.
- Peruntukan Undang-undang Kecil tidak disediakan bagi perusahaan burung walit di Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

- Peruntukan Undang-undang Kecil dan syarat lesen tidak dipatuhi sepenuhnya.

1.3. Pada keseluruhannya, tahap Pengurusan Pelesenan Perniagaan khususnya bagi 7 jenis lesen perniagaan yang diaudit bagi ketiga-tiga PBT adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk dibuat penambahbaikan oleh PBT berkenaan seperti berikut:

1.3.1. Kerajaan Negeri menyeragamkan syarat-syarat kelulusan lesen di setiap PBT.

1.3.2. PBT mengenakan tindakan undang-undang sewajarnya kepada pengusaha yang gagal mematuhi peraturan.

1.3.3. PBT mengadakan satu mekanisme koordinasi yang lebih mantap dengan agensi teknikal bagi membolehkan ulasan dan pandangan dipercepatkan agar proses kelulusan permohonan lesen dapat dipertingkatkan.

2. MAJLIS BANDARAYA IPOH MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN - Pengurusan Perolehan

2.1. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara tanggungjawab MBI dan MPTI ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam. Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan MBI dan MPTI bertanggungjawab untuk memastikan perolehan Majlis dilakukan dengan teratur tertakluk kepada aspek akauntabiliti, integriti, berekonomi, keberkesanan dan kecekapannya selain daripada mengambil kira kepentingan Kerajaan adalah terjamin. Kaedah perolehan yang dilaksanakan adalah secara pembelian terus, sebut harga dan tender.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga November 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan MBI dan MPTI adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Sebahagian perolehan kerja yang dibuat tidak mencapai matlamat.
- Perancangan perolehan tidak dibuat dengan teliti.
- Harga perolehan adalah kurang munasabah.
- Perolehan dibuat tidak mematuhi peraturan sepenuhnya.

2.3. Secara keseluruhannya Pengurusan Perolehan bagi 2 PBT yang dilawati adalah kurang memuaskan. Bagi meningkatkan urusan perolehan, MBI dan MPTI perlu mengambil

tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, MBI dan MPTI adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

2.3.1. Memastikan projek siap digunakan untuk mengelakkan pembaziran.

2.3.2. Memastikan perolehan dibuat dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

2.3.3. Memastikan setiap perolehan bermasa hendaklah disertakan dengan satu kontrak formal bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan Majlis.

3. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pengurusan Projek Kecil Pembangunan Luar Bandar

3.1. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) adalah agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek kecil pembangunan luar bandar di 10 daerah di negeri Perak. Sumber pembiayaan projek kecil adalah daripada Peruntukan Pembangunan (P.02) yang dikhususkan untuk Program Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar. Peruntukan untuk program ini diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Menteri Besar, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang disalurkan melalui UPEN. Objektif program adalah untuk menyediakan kemudahan asas kepada masyarakat luar bandar antaranya seperti membina dewan, gelanggang sukan, jalan, jambatan dan surau serta membaik pulih longkang atau parit dan sebagainya. Agensi pelaksana bagi program ini adalah Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan projek kecil pembangunan luar bandar adalah memuaskan dari segi prestasi pelaksanaan fizikal projek, pengagihan projek kepada kontraktor yang berwibawa, pematuhan prosedur pemilihan kontraktor, pematuhan spesifikasi projek serta pemantauan oleh agensi pelaksana kecuali beberapa kelemahan seperti berikut:

- Gelanggang sukan untuk permainan sepak takraw dan badminton siap dibina tetapi tidak digunakan.
- Gelanggang sukan untuk permainan futsal yang baru setahun siap telah rosak.
- Pemantauan tidak dibuat dengan sempurna oleh UPEN iaitu tiada penyelarasan antara agensi pelaksana projek menyebabkan berlaku kerja yang bertindih di tapak projek serta prosedur pemantauan yang tidak seragam di 3 daerah.

3.3. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan projek kecil, Unit Perancang Ekonomi Negeri dan PDT Larut, Matang Dan Selama, PDT Kerian dan PDT Manjung adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.3.1. PDT hendaklah memastikan semua kemudahan yang disediakan untuk manfaat masyarakat setempat ada digunakan bagi mengelak pembaziran.

3.3.2. Unit Perancang Ekonomi mengeluarkan segera surat arahan kepada semua PBT berhubung kemestian melaksanakan *coring test*, penyediaan *Bill of Quantities* dan pengukuran semula.

3.3.3. Memastikan penyelarasan atau koordinasi antara agensi pelaksana projek ada dibuat.

3.3.4. PDT melakukan lawatan ke tapak projek sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan bagi memastikan projek atau kemudahan yang rosak dapat segera diganti atau dibaiki.

4. PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Royal Perak Golf Club Berhad

4.1. Royal Perak Golf Club Berhad (Syarikat) adalah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) yang memiliki 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan sebagai syarikat awam liabiliti terhad pada 16 Februari 2006 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2012 modal dibenarkan Syarikat adalah RM10 juta dan modal berbayar RM8 juta. Sebelum penubuhan Syarikat, kemudahan golf dan kelab ini telah wujud sejak tahun 1900 sebagai Ipoh Golf Club (IGC), Perak Turf Club Sports (PTCSC) pada tahun 1950 dan Kelab Golf Diraja Perak (KGDP) mulai tahun 1979. Penubuhan Syarikat adalah sebagai operator bagi menguruskan dan menyelenggara kemudahan aktiviti berkaitan golf, sukan dan rekreasi kepada ahli dan tetamu yang dibenarkan melalui pengurusan kelab golf. Syarikat ini mengendali padang golf 18 lubang dan akademi golf di kawasan tanah seluas 58.7 hektar. Pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi seperti 2 gelanggang *squash*, 5 gelanggang tenis, bilik snuker, kolam renang, *gymnasium*, *ballroom* dan *coffee house* juga disediakan di kawasan *club house* seluas 4 hektar. Sehingga bulan Ogos 2013, keahlian Syarikat adalah berjumlah 3,440 ahli.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Oktober 2013 mendapati prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Syarikat adalah baik. Bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, Syarikat mencatat keuntungan bersih masing-masing sejumlah RM1.34 juta, RM1.28 juta dan RM0.51 juta. Manakala keuntungan terkumpul pada tahun 2012 adalah berjumlah RM3.26 juta. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan. Secara ringkasnya berikut adalah penemuan Audit yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan:

- Sungguhpun Syarikat mendapat keuntungan 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2010, margin keuntungan bersih Syarikat mengalami kemerosotan daripada 18% pada tahun 2010 dan 2011 kepada 15% pada tahun 2012 bagi setiap ringgit jualan. Selain itu, dividen tidak dibayar kepada pemegang saham.
- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan manakala Unit Audit Dalam (UAD), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) tidak menjalankan pengauditan terhadap Syarikat.

4.3. Pihak Syarikat disyorkan untuk terus mengekalkan prestasi yang baik ini dan pada masa yang sama memberi perhatian terhadap peningkatan untung bersih yang mula menurun dan meningkatkan lagi beberapa aspek tadbir urus korporat.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG MAJLIS PERBANDARAN TAIPING MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU

1. PENGURUSAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab untuk mengurus pengeluaran lesen premis perniagaan, menjalankan pemeriksaan ke atas premis dan menguatkuasakan undang-undang pelesenan. Pengeluaran lesen premis perniagaan dipertanggungjawabkan kepada Unit Pelesen Jabatan Kesihatan Dan Bandar manakala pemeriksaan premis oleh Unit Pelesen Jabatan Kesihatan Dan Bandar dan Unit Penguatkuasaan Jabatan Undang-undang. Penguatkuasaan undang-undang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Undang-undang. Mandat untuk mengendalikan pengeluaran lesen dan menguatkuasakan undang-undang tersebut dinyatakan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Seksyen terbabit adalah Seksyen 104 menyatakan tentang penalti boleh dikenakan bagi pelanggaran mana-mana Undang-undang Kecil, kaedah dan peraturan. Seksyen 107 pula menyatakan PBT boleh memberi lesen atau permit dengan menetapkan bayaran lesen atau permit dan caj bagi memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis setelah lesen diberi. Seksyen 107 tersebut juga memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk membatalkan lesen jika melanggar syarat ditetapkan dan memperbaharui lesen setelah tamat tempoh.

1.1.2. Undang-undang Kecil dikeluarkan di peringkat PBT untuk menguatkuasakan undang-undang. Antaranya adalah Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Establishmen Makanan (MDPH) 1989, UUK Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPH) 1990, UUK Pusat Kecantikan Kecil Dan Penjagaan Kesihatan (MDPH) 2012, UUK Kecil Rumah Urut 1984, UUK Pengawalan Dan Pengawasan Tempat Makan (MPM) (Pindaan) 1984, UUK Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPM) (Pindaan) 2007, UUK Pengawalan Dan Pengawasan Tempat Makan (MPT) 1984, UUK Pelesenan Tred dan Perniagaan Dan Perusahaan (MPT) 1983. Selain UUK tersebut, PBT menerima pakai Garis Panduan Perancangan Premis Burung Walit (*Swiftlet*) Negeri Perak yang berkuatkuasa pada 12 Disember 2012.

1.1.3. Lesen premis perniagaan dikeluarkan oleh PBT mengikut daerah masing-masing dengan menetapkan syarat permohonan mengikut jenis perniagaan. Antara syarat umum yang ditetapkan adalah umur pemohon, lokasi premis, keselamatan premis, penyenggaraan premis, waktu perniagaan dan denda dikenakan jika gagal mematuhi syarat. Bagi 3 daerah

yang diaudit iaitu Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH) sebanyak 117,416 lesen premis perniagaan daripada pelbagai jenis aktiviti perniagaan dikeluarkan oleh ketiga-tiga PBT tersebut melibatkan kutipan hasil berjumlah RM16.98 juta. Butiran seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Bilangan Lesen Dan Kutipan Hasil Pelbagai Lesen
Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga September 2013

Tahun	Bilangan Lesen Dikeluarkan			Jumlah Kutipan (RM Juta)		
	MPM	MPT	MDPH	MPM	MPT	MDPH
2010	9,362	17,482	426	1.67	2.52	0.04
2011	9,500	18,374	399	1.85	2.46	0.04
2012	10,607	19,268	446	2.08	2.25	0.04
Sehingga September 2013	11,302	19,787	463	2.16	1.82	0.05
Jumlah	40,771	74,911	1,734	7.76	9.05	0.17
Jumlah Besar	117,416			16.98		

Sumber: MPM, MPT dan MDPH

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran lesen perniagaan dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mematuhi perundangan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan pengeluaran lesen perniagaan, pemeriksaan premis dan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan bagi tahun 2010 hingga 2013 di MPM, MPT dan MDPH. Skop Audit meliputi 7 jenis lesen perniagaan iaitu lesen premis hiburan, premis kereta terpakai, rumah urut, premis burung walit, kilang, premis makanan, premis pakaian dan tekstil. Temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan ke lokasi premis perniagaan turut dijalankan bagi mengesahkan lesen yang dikeluarkan adalah di premis berkenaan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2013 mendapati tahap pengurusan lesen premis perniagaan adalah baik. Ini berasaskan kepada prestasi pengeluaran lesen untuk tempoh 3 tahun melebihi 80% daripada keseluruhan permohonan dan tempoh pengeluaran lesen mencapai tahap 86% berbanding piagam pelanggan. Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dari aspek perundangan, pematuhan kepada Undang-undang Kecil, proses pemantauan dan tindakan penguatkuasaan. Secara ringkasnya penjelasan terhadap pencapaian dan kelemahan pengurusan pelesenan premis perniagaan adalah seperti berikut:

- Prestasi pengeluaran premis perniagaan mencapai tahap 80% dan tempoh pengeluaran lesen mencapai tahap 86% mengikut kehendak piagam pelanggan PBT masing-masing.
- Hasil lesen premis perniagaan tidak dapat dikutip mengikut kelulusan sewajarnya khususnya bagi lesen premis burung walit.
- Peruntukan Undang-undang Kecil tidak disediakan bagi perusahaan burung walit di Majlis Daerah Pengkalan Hulu.
- Peruntukan Undang-undang Kecil dan syarat lesen tidak dipatuhi sepenuhnya.

1.4.1. Pengeluaran Lesen Premis Perniagaan

Pihak Berkuasa Tempatan mengeluarkan lesen premis perniagaan kepada peniaga di kawasan PBT supaya aktiviti perniagaan tersebut dijalankan secara sah dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan. MPM mengkategorikan lesen premis perniagaan sebagai Lesen Berisiko dan Bukan Berisiko, MPT mengkategorikannya sebagai lesen komposit yang terdiri daripada lesen perniagaan dan iklan secara serentak. Manakala MDPH mengkategorikannya sebagai lesen perniagaan sahaja. Syarat kelulusan lesen di bawah kategori risiko/teknikal dan lesen komposit sesuatu permohonan lesen hendaklah mendapatkan ulasan daripada agensi teknikal seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar. Borang permohonan yang lengkap akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Perlesenan Daerah untuk diperakui dan kelulusan. Sebaliknya permohonan lesen bagi kategori bukan berisiko/teknikal hanya diluluskan oleh sama ada Yang DiPertua atau Pegawai Kesihatan Daerah dan seterusnya dibuat pengesahan dalam Mesyuarat Penuh PBT. Berbeza dengan MDPH, permohonan lesen premis perniagaan diluluskan dan disahkan dalam Mesyuarat Perlesenan Daerah sahaja. Semakan Audit di ketiga-tiga PBT mendapati bagi tahun 2010 hingga Jun 2013 sebanyak 6,967 lesen premis perniagaan telah diterima dan sebanyak 5,631 daripadanya telah diluluskan. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut:

1.4.1.1. Prestasi Pengeluaran Lesen

a. Pengeluaran Keseluruhan Lesen Premis Perniagaan

Bagi tahun 2010 hingga Jun 2013 sebanyak 5,631 daripada 6,967 permohonan lesen premis perniagaan telah diluluskan. Ini menunjukkan prestasi pengeluaran lesen bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 80.8%. Berbanding permohonan ditolak sebanyak 601 (8.6%) dan 736 (10.6%) yang masih dalam proses. Bagaimanapun, kesemua permohonan yang berstatus dalam proses atau belum selesai bagi tahun 2010 hingga 2012 telah diselesaikan pada tahun 2013. Manakala sebahagian permohonan pada tahun 2013 diselesaikan pada tahun semasa. Semakan Audit seterusnya mendapati permohonan lesen ditolak atau gagal kerana permohonan tersebut tidak mematuhi kehendak Undang-undang Kecil yang telah ditetapkan, tiada laporan

daripada jabatan teknikal dan permohonan tidak dilengkapkan dengan dokumen yang diperlukan. Statistik permohonan, kelulusan, tolak dan masih dalam proses adalah seperti di **Jadual 1.2**. Secara keseluruhannya trend permohonan lesen perniagaan pada setiap tahun adalah mendatar dengan kadar yang hampir sama setiap tahun.

Jadual 1.2
Statistik Permohonan Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2013

Tahun	Status Permohonan											
	Terima			Lulus			Tolak/Gagal			Dalam Proses		
	M	T	PH	M	T	PH	M	T	PH	M	T	PH
2010	1,570	472	37	1,158	439	36	179	12	0	233	21	1
2011	1,497	509	45	1,227	467	45	132	23	0	138	19	0
2012	1,424	502	41	1,081	447	39	179	18	1	164	37	1
Sehingga Jun 2013	609	229	32	479	181	32	55	1	1	75	47	0
Jumlah	5,100	1,712	155	3,945	1,534	152	545	54	2	610	124	2
Jumlah Keseluruhan	6,967			5,631			601			736		
%	-			80.8			8.6			10.6		

Sumber: MPM, MPT dan MDPH

Nota: M=MPM, T=MPT dan PH =MDPH

Catatan: Data MPM setakat bulan April 2013

b. Pengeluaran Tujuh Lesen Premis Perniagaan

- i. Bagi tempoh tahun 2010 hingga Jun 2013, ketiga-tiga PBT telah mengeluarkan 1,413 lesen bagi premis perniagaan terdiri daripada premis hiburan, kereta terpakai, rumah urut, premis burung walit, kilang, makanan dan restoran, pakaian dan tekstil. Daripada jumlah tersebut, lesen premis makanan adalah yang paling tinggi dikeluarkan iaitu sebanyak 692 lesen berbanding lesen premis pakaian tekstil sebanyak 409 dan lesen premis burung walit sebanyak 125. Butiran seterusnya adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3

Bilangan Lesen Baru Dikeluarkan Mengikut Jenis Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2013

Jenis Lesen Perniagaan	Bilangan Lesen Baru Dikeluarkan Mengikut Tahun												Jumlah
	2010			2011			2012			Sehingga Jun 2013			
	M	T	PH	M	T	PH	M	T	PH	M	T	PH	
Premis Hiburan	4	4	0	8	2	4	11	4	1	2	2	2	44
Premis Kereta Terpakai	0	7	0	3	2	0	3	1	0	0	0	0	16
Rumah Urut	7	0	0	9	5	0	11	3	0	11	2	1	49
Premis Burung Walit	2*	0	0	110*	0	0	13*	0	0	0	0	0	125
Kilang	7	14	0	7	14	0	18	9	0	3	6	0	78
Premis Makanan	93	58	3	94	71	9	148	76	9	84	41	6	692
Premis Pakaian & Tekstil	73	21	2	82	32	6	89	25	4	54	19	2	409
Jumlah	186	104	5	313	126	19	293	118	14	154	70	11	
Jumlah Keseluruhan	295			458			425			235			1,413

Sumber: MPM, MPT dan MDPH

Nota: M=MPM, T=MPT dan PH =MDPH

Nota: * lulus secara prinsip namun lesen masih belum dikeluarkan

- ii. Semakan Audit seterusnya mendapati sehingga ke tarikh pengauditan sebanyak 82 daripada 111 permohonan lesen burung walit di MPM yang diterima pada tahun 2010 dan 2011 juga diluluskan dalam Mesyuarat Pelesenan pada 13 September 2011 masih belum dikeluarkan lesennya. Lesen tersebut tidak dikeluarkan kerana tidak memenuhi syarat pengeluaran lesen iaitu pemohon masih tidak menghadiri kursus berkaitan perusahaan burung walit. Mengikut pengiraan Audit, dengan mengambil kira kadar lesen ditetapkan dalam surat tawaran, sejumlah RM57,090 hasil lesen tidak dapat dikutip oleh pihak MPM terhadap lesen-lesen yang diluluskan untuk tempoh 2 tahun tersebut.
- iii. **Mengikut maklum balas MPM bertarikh 3 Januari 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Bilangan 21/2013 pada 12 November 2013 telah memutuskan agar 82 lesen premis perniagaan burung walit yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Pelesenan Bilangan 17/2011 pada 13 September 2011 dikeluarkan lesen dengan pengecualian menjalani Kursus Amalan Baik Penternakan Burung Walit untuk sementara sehingga kursus tersebut dijalankan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sebanyak 82 notis kepada pelesen terlibat telah dikeluarkan pada 27 November 2013 supaya menjelaskan bayaran lesen yang berkenaan.**

c. Prestasi Proses Pengeluaran Lesen

Tempoh memproses pengeluaran lesen premis perniagaan adalah berbeza-beza mengikut piagam pelanggan PBT. Majlis Perbandaran Manjung menetapkan tempoh 10 hari bekerja bagi kategori teknikal dan 1 hari bagi kategori bukan teknikal. Majlis Perbandaran Taiping pula menetapkan 7 hari bekerja bagi lesen komposit yang terdiri daripada lesen perniagaan dan iklan dikeluarkan secara bersekali. Bagaimanapun, bagi MDPH, MDPH menetapkan tempoh proses kelulusan dalam tempoh 30 hari. Bagi tahun 2010 hingga Jun 2013 sebanyak 5,631 permohonan lesen premis perniagaan telah dikeluarkan kepada pemohon. Daripada jumlah tersebut sebanyak 301 lesen premis perniagaan telah disemak dan dianalisis tentang tempoh pengeluaran lesen yang meliputi 101 lesen di MPM, 171 lesen di MPT dan 29 lesen di MDPH. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut:

- i. Secara keseluruhan prestasi tempoh pengeluaran lesen bagi ketiga-tiga PBT berasaskan piagam pelanggan PBT masing-masing adalah 86% dikeluarkan dalam tempoh 1-10 hari, 3% dalam tempoh 11-30 hari dan 11% dalam tempoh melebihi 30 hari seperti di **Jadual 1.4**. Ini menunjukkan pemohon lesen premis perniagaan dapat menjalankan aktiviti perniagaan masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan walaupun terdapat kelewatan iaitu melebihi 10 hari sekitar 14% sahaja. Trend tempoh pengeluaran lesen premis perniagaan pula menunjukkan bilangan lesen yang dikeluarkan dalam tempoh 1 hingga 10 hari adalah paling tinggi.

Jadual 1.4

Peratusan Tempoh Lesen Dikeluarkan Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2013

Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Sampel Mengikut Tempoh			Jumlah
	1-10 hari	11-30 hari	Melebihi 30 hari	
Majlis Perbandaran Manjung	77	0	24	101
Majlis Perbandaran Taiping	154	9	8	171
Majlis Daerah Pengkalan Hulu	28	0	1	29
Jumlah	259	9	33	301
%	86	3	11	100

Sumber: MPM, MPT dan MDPH

- ii. Lesen-lesen premis perniagaan yang disemak adalah lesen premis hiburan, kereta terpakai, rumah urut dan refleksologi, pakaian dan tekstil, restoran dan premis makanan serta kilang tetapi tidak termasuk burung walit kerana lesen tersebut masih di peringkat kelulusan secara prinsip iaitu lesen masih belum dikeluarkan kerana pelesen masih belum memenuhi syarat ditetapkan. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut:
 - Bagi MPM sebanyak 101 sampel lesen premis perniagaan telah disemak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 77 atau 76.2 % lesen dikeluarkan dalam tempoh 1 hingga 10 hari iaitu sebagaimana piagam pelanggan yang

ditetapkan oleh MPM. Berdasarkan sampel tersebut juga, semakan Audit mendapati kesemua lesen daripada kategori bukan teknikal yang terdiri daripada lesen premis pakaian dan tekstil serta premis makanan telah dikeluarkan dalam tempoh 1 hari. Manakala bagi MPT daripada 171 sampel lesen perniagaan yang disemak mendapati 154 sampel atau 90.1% lesen telah berjaya dikeluarkan dalam tempoh 1 hingga 10 hari.

- Sebanyak 24 lesen daripada kategori teknikal terdiri daripada rumah urut dan refleksologi serta kilang dikeluarkan melebihi 30 hari. Bilangan lesen ini merangkumi 11% daripada keseluruhan lesen. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab mendapati antara punca kelewatan memproses lesen tersebut adalah pihak MPM lewat mendapat maklum balas daripada jabatan teknikal. Terdapat juga permohonan yang diterima oleh MPM yang melepasi tempoh mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Daerah menyebabkan permohonan tersebut dibawa ke dalam mesyuarat berikutnya.
- Antara permohonan lesen premis yang memerlukan laporan daripada jabatan teknikal seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar bagi lesen premis rumah urut, refleksologi dan kilang. Mengikut surat yang dikeluarkan oleh pihak MPM, ulasan dan pandangan jabatan teknikal perlu dikemukakan dalam tempoh 7 hari daripada tarikh surat diterima. Analisis Audit terhadap 24 sampel permohonan lesen mendapati tempoh terima ulasan dan pandangan teknikal adalah antara 10 hingga 59 hari. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Statistik Tempoh Ulasan Dan Pandangan Teknikal Diterima Oleh MPM
Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2013

Jabatan Teknikal	Ulasan Diterima Oleh MPM/ Bilangan Sampel Audit			Tidak Berkaitan	Jumlah Sampel
	10-20 hari	21-30 hari	Melebihi 30 hari		
Polis Diraja Malaysia	0	2	10	12	24
Jabatan Bomba Dan Penyelamat	13	6	3	2	24
Jabatan Kesihatan	2	4	13	5	24
Jabatan Alam Sekitar	0	1	2	21	24

Sumber: MPM

- Sebanyak 171 sampel lesen premis perniagaan telah disemak di MPT. Daripada jumlah tersebut, 154 lesen atau 90.1% dikeluarkan dalam tempoh 1-10 iaitu mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan. Terdapat juga lesen dikeluarkan dalam tempoh 11-30 hari iaitu sebanyak 9 lesen atau 9%. Kelewatan tersebut tidak begitu ketara kerana MPT menetapkan piagam pelanggan pengeluaran lesen adalah selama 10 hari. Terdapat 8 lesen atau

8% lewat dikeluarkan iaitu melebihi 30 hari kerana kelewatan pihak pemohon memberi maklum balas atau dokumen sokongan yang diminta oleh MPT. Antara permohonan tersebut adalah permit barang lusuh sepatutnya dikepikan bersekali semasa mengemukakan permohonan tetapi tidak dikemukakan dan lewat diterima daripada pemohon.

- Mengikut piagam pelanggan MDPH tempoh bagi pengeluaran lesen premis perniagaan adalah 30 hari. Pihak Audit telah menyemak 29 lesen premis perniagaan dan mendapati 28 lesen dikeluarkan dalam tempoh ditetapkan kecuali satu melebihi tempoh 30 hari iaitu bagi lesen rumah urut. Secara keseluruhan pencapaian pengeluaran lesen adalah 96.6%. Temu bual dengan pegawai yang mengendalikan pengeluaran lesen mendapati punca kelewatan tersebut melibatkan Polis Diraja Malaysia yang lewat 10 bulan mengemukakan maklum balas pandangan teknikal tentang permohonan tersebut.

iii. **Mengikut maklum balas MPM bertarikh 3 Januari 2014, pihak MPM telah mengambil tindakan alternatif lain dengan memaklumkan kepada Jabatan Teknikal melalui surat bertulis dengan menyatakan senarai permohonan yang belum diterima ulasan dari Jabatan Teknikal terbabit dan meminta mereka memberi maklum balas secara lisan semasa pembentangan dibuat dalam mesyuarat.**

d. Prestasi Kutipan Hasil Pengeluaran Lesen Baru

- i. Kutipan hasil adalah berdasarkan kepada kadar bayaran lesen perniagaan melibatkan lesen baru dikeluarkan dan lesen yang dibaharui setelah tamat tempoh yang ditetapkan. Kadar bayaran sesuatu lesen adalah berdasarkan jenis perniagaan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil dengan mengambil kira jenis perniagaan di PBT masing-masing. Semakan Audit terhadap ketiga-tiga PBT mendapati bagi tahun 2010 hingga Jun 2013 sejumlah RM383,573 telah dikutip bagi 7 jenis lesen premis perniagaan yang baru dikeluarkan setiap tahun. Kutipan ini berdasarkan bilangan lesen yang dikeluarkan iaitu 946 di MPM, 418 di MPT dan 49 di MDPH. Kesemua lesen yang dikeluarkan telah dijelaskan pembayarannya sebelum sesuatu lesen dikeluarkan. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6**Kutipan Bayaran Lesen Baru Di 3 PBT Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2013**

Tahun	Majlis Perbandaran Manjung (RM)	Majlis Perbandaran Taiping (RM)	Majlis Daerah Pengkalan Hulu (RM)	Jumlah (RM)
2010	38,730	41,230	250	80,210
2011	83,100	42,223	1,630	126,953
2012	74,120	40,706	1,610	116,436
Sehingga Jun 2013	34,900	22,945	2,129	59,974
Jumlah	230,850	147,104	5,619	383,573

Sumber: MPM, MPT dan MDPH

- ii. Semakan Audit mendapati sejumlah RM154,659 adalah kutipan lesen premis makanan, sejumlah RM78,841 lesen premis pakaian dan tekstil, lesen premis kilang RM46,461 serta bakinya sejumlah RM103,612 adalah selain daripada 4 lesen tersebut. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7**Kutipan Bayaran Lesen Baru Mengikut Jenis Perniagaan Di 3 PBT Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2013**

Jenis Lesen Perniagaan	Jumlah Kutipan Bayaran Lesen Baru			
	Majlis Perbandaran Manjung (RM)	Majlis Perbandaran Taiping (RM)	Majlis Daerah Pengkalan Hulu (RM)	Jumlah (RM)
Premis Hiburan	25,950	7,475	900	34,325
Premis Kereta Terpakai	3,300	4,316	-	7,616
Rumah Urut	20,200	4,371	900	25,471
Premis Burung Walit	36,200	-	-	36,200
Kilang	24,800	21,661	-	46,461
Premis Makanan	75,700	76,260	2,699	154,659
Premis Pakaian & Tekstil	44,700	33,021	1,120	78,841
Jumlah	230,850	147,104	5,619	383,573

Sumber: MPM, MPT dan MDPH

Pada pendapat Audit, prestasi proses pengeluaran lesen premis perniagaan di ketiga-tiga PBT adalah baik kerana memenuhi kehendak piagam pelanggan PBT masing-masing. Walaupun terdapat kes-kes kelewatan, tetapi ianya adalah berpunca daripada pihak pemohon yang tidak mengemukakan permohonan yang lengkap dan kelewatan menerima ulasan teknikal daripada agensi luar.

1.4.2. Peruntukan Undang-undang Lesen Premis Kecil Burung Walit Tidak Disediakan

1.4.2.1. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk mengurus pengeluaran lesen premis perniagaan, menjalankan pemeriksaan ke atas premis berkaitan dan menguatkuasakan Undang-undang pelesenan yang berkaitan. Pihak Berkuasa Tempatan juga bertanggungjawab untuk mencadangkan pindaan UUK dan menentukan kadar sesuatu lesen premis bagi setiap aktiviti yang dijalankan di daerah pentadbirannya. Mengikut Seksyen 107(1) Akta 171 menyatakan PBT boleh memberi lesen atau permit dengan menetapkan bayaran lesen atau permit tersebut dan caj bagi memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis setelah lesen tersebut diberi. Kadar bayaran lesen ini dinyatakan dalam UUK bagi sesuatu perniagaan. Semakan Audit mendapati peruntukan undang-undang bagi pengeluaran lesen premis burung walit ada dinyatakan dalam UUK di MPM dan MPT namun tiada di MDPH. Dengan itu MDPH didapati tidak mengutip bayaran lesen ke atas pengusaha burung walit sepertimana yang dilakukan oleh MPM dan MPT.

1.4.2.2. **Mengikut maklum balas MDPH bertarikh 8 Januari 2014, penyediaan Undang-undang Kecil Burung Walit masih di peringkat Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Undang-undang Kecil ini akan diseragamkan ke semua Pihak Berkuasa Tempatan. Walaupun Garis Panduan Pelaksanaan Perancangan Burung Walit telah diluluskan dan diterima pakai di MDPH pada 18 Mac 2013, namun kadar lesen dalam garis panduan tersebut masih belum dilaksanakan sepenuhnya kerana kadar tersebut dicadangkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Kadar tersebut ditangguhkan pelaksanaannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) bertarikh 2 Januari 2012 sehingga kajian semula selesai. Oleh itu pihak MDPH masih menunggu keputusan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk penyeragaman kadar tersebut.**

Pada pendapat Audit, usaha Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan Undang-undang Kecil bagi lesen premis burung walit yang seragam adalah satu usaha yang baik dan wajar dikuatkuasakan dengan kadar segera.

1.4.3. Ketidapatuhan Perundangan

Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk mengurus pengeluaran lesen premis perniagaan, menjalankan pemeriksaan ke atas premis berkaitan dan menguatkuasakan Undang-undang pelesenan yang berkaitan. Tanggungjawab untuk membuat pemeriksaan terhadap premis dilakukan oleh Unit Pelesen Jabatan Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar. Manakala penguatkuasaan undang-undang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Undang-undang. Semakan Audit mendapati berlaku ketidakpatuhan kepada perundangan seperti ditetapkan dalam Undang-undang Kecil dan syarat kelulusan lesen yang dikeluarkan oleh ketiga-tiga PBT yang diaudit. Antara ketidakpatuhan tersebut adalah aktiviti perniagaan dijalankan tanpa lesen premis, aktiviti perniagaan masih aktif tetapi lesen telah tamat tempoh

dan aktiviti perniagaan tidak mengikut syarat kelulusan lesen yang dikeluarkan PBT. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut:

1.4.3.1. Perniagaan Tanpa Lesen

Mengikut fasal 3 bagi ketiga-tiga UUK terdiri daripada Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian 1983 Dan Pindaan Tahun 2008 (MPM), Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MDPH) 1990, Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPT) 1983 menyatakan bahawa tiada seorang pun yang boleh menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan PBT Perbandaran/Daerah tanpa memiliki lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua PBT. Semakan Audit terhadap 301 sampel lesen premis perniagaan yang meliputi 7 jenis lesen di ketiga-tiga PBT mendapati ada premis menjalankan aktiviti perniagaan secara aktif tanpa memiliki lesen.

- a. Sebanyak 8 premis perniagaan di kawasan Manjung, Taiping dan Pengkalan Hulu telah menjalankan perniagaan tanpa lesen dan 4 premis mempunyai lesen yang telah tamat tempoh melebihi 3 bulan. Antara aktiviti perniagaan tersebut adalah pusat hiburan (snooker), pusat refleksologi (urut kaki), kilang simen, cuci kereta, restoran, burung walit dan premis kereta terpakai. Terdapat juga 2 premis pusat hiburan (snooker) yang menjalankan perniagaan tanpa lesen telah menjalankan aktiviti tambahan perkhidmatan mesin slot berunsurkan judi. Semakan Audit selanjutnya terhadap permohonan lesen premis perniagaan tersebut mendapati 12 pengusaha tidak memohon lesen baru dan permohonan untuk membaharui lesen yang telah tamat tempoh. Pihak PBT di ketiga-tiga MPM, MPT dan MDPH boleh mendapatkan hasil sejumlah RM5,074 berdasarkan kadar lesen yang ditetapkan sekiranya pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap pemilik premis perniagaan tersebut. Setakat ini, sebuah premis perniagaan kereta terpakai di Taiping telah dikenakan kompaun. Lawatan Audit ke kawasan MPM, MPT dan MDPH pada tarikh antara 20 Jun hingga 25 September 2013 mendapati kesemua premis dilawati seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.10** masih aktif beroperasi.

Gambar 1.1
Premis Tiada lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pengkalan Hulu
Tarikh: 20 Jun 2013

Gambar 1.2
Premis Tiada Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taiping
Tarikh: 25 Julai 2013

Gambar 1.3
Premis Tidak Mempamerkan Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taiping
Tarikh: 25 Julai 2013

Gambar 1.4
Premis Tiada Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taiping
Tarikh: 25 Julai 2013

Gambar 1.5
Lesen Premis Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Manjung
Tarikh: 27 Ogos 2013

Gambar 1.6
Lesen Premis Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Manjung
Tarikh: 26 Ogos 2013

Gambar 1.7
Premis Tiada Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Manjung
Tarikh: 10 September 2013

Gambar 1.8
Premis Tiada Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Manjung
Tarikh: 10 September 2013

Gambar 1.9
Lesen Premis Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taiping
Tarikh: 18 September 2013

Gambar 1.10
Lesen Premis Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taiping
Tarikh: 23 September 2013

b. Maklum balas daripada ketiga-tiga MPM, MPT dan MDPH yang diterima masing-masing pada 3, 8 dan 13 Januari 2014 adalah seperti berikut:

- i. Tindakan mengeluarkan Notis Memberhentikan Aktiviti Perniagaan Tanpa Lesen Yang Sah oleh MPM telah dibuat terhadap 4 premis terlibat pada 2 Januari 2014.
- ii. Tindakan mengkompaun sebanyak RM250 bagi setiap premis yang melakukan kesalahan telah diambil oleh MPT. Notis Arahan Supaya Memohon Lesen Premis Perniagaan juga telah dikeluarkan atas kesalahan tanpa lesen. Di bawah Program Pemutihan 2014, notis yang mengandungi Permohonan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad dihantar kepada pemohon supaya mengambil tindakan sewajarnya. Terdapat satu premis yang telah tamat tempoh telah membuat bayaran lesen pada 15 November 2013.

iii. Tindakan penguatkuasaan oleh MDPH telah diambil terhadap sebuah premis perniagaan makanan dengan mengenakan kompaun sebanyak RM250. Bayaran telah dibuat pada 17 Oktober 2013.

- c. Seksyen 107(3) Akta 171 menyatakan PBT boleh menurut budi bicaranya enggan memberi atau membaharui lesen tanpa memberi apa-apa sebab. Seksyen 107(4) pula menyatakan sesuatu lesen sah selama tempoh tidak melebihi 3 tahun. Bagaimanapun, tempoh tersebut tertakluk kepada Undang-undang Kecil sesuatu jenis perniagaan. Fasal 3 dalam Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MDPH) 1990 menyatakan tiada tempat dalam lingkungan Majlis boleh, melainkan jika dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk tujuan tersebut. Manakala fasal 6 pula menetapkan sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga pada 31 Disember setiap tahun berikutan tarikh kuat kuasa dan hendaklah dibaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu. Semakan Audit di MDPH mendapati sebanyak 103 pelesen bagi tahun 2011 hingga 2012 telah tamat tempoh sah laku dan belum dibaharui tetapi aktiviti perniagaan masih terus dijalankan. Kesannya sejumlah RM9,655 hasil kutipan lesen tahunan tidak dapat dikutip menyebabkan kehilangan hasil kepada pihak PBT. Setakat ini, pihak PBT tersebut telah mengambil tindakan dengan menghantar notis kepada peniaga supaya menjelaskan bayaran lesen yang tertunggak.
- d. **Mengikut maklum balas MDPH bertarikh 8 Januari 2014, Jabatan Pelesenan telah menghantar notis peringatan tamat tempoh kali kedua dengan mengenakan denda sebanyak RM5. Kutipan luar lesen juga telah dijalankan pada 26 dan 28 November 2013 bagi mengutip bayaran lesen berserta denda yang dikenakan. Bagi satu premis perniagaan alat ganti yang masih beroperasi tapi lesen telah tamat tempoh, bayaran telah dijelaskan oleh pelesen 20 Jun 2013.**

1.4.3.2. Perniagaan Tidak Mengikut Syarat Kelulusan Lesen

- a. Mengikut Seksyen 107(2) Akta Kerajaan Tempatan 171 menyatakan bahawa setiap lesen atau permit yang telah dikeluarkan adalah tertakluk kepada syaratnya yang difikirkan perlu dan boleh dibatalkan oleh pihak PBT tanpa memberi sebabnya. Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat yang telah ditetapkan dalam Undang-undang Kecil mengikut kategori pelesenan dan syarat lesen am. Semakan Audit terhadap ketiga-tiga PBT mendapati bagi tahun 2010 hingga Jun 2013 sebanyak 49 lesen telah diluluskan lesen premis perniagaan rumah urut (refleksologi) dan sebanyak 692 restoran. Daripada jumlah tersebut sebanyak 16 premis rumah urut (refleksologi) dan 15 premis makanan telah dilawati pada bulan Julai hingga Oktober 2013.
- b. Hasil lawatan terhadap 16 premis rumah urut dan 15 premis makanan yang aktiviti perniagaannya berjalan secara aktif mendapati 4 premis rumah urut (refleksologi)

dan 2 premis makanan di MPM tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MPM seperti pelesen telah menjalankan perniagaan melebihi dari satu aktiviti, bilik rawatan dalam keadaan tertutup atau berbilik dan berpintu, dan tukang urut tidak menjalani pemeriksaan kesihatan untuk tempoh sekali setahun. Manakala bagi pengendali restoran pula, antara kesalahannya ialah pelesen tidak menghadiri kursus pengendalian makanan, tempat memasak dalam keadaan kotor dan bahan makanan diletakkan di atas lantai tanpa pelapik.

- c. **Mengikut maklum balas MPM bertarikh 3 Januari 2014, hasil semakan semula yang dibuat pada 2 Januari 2014 mendapati premis yang terlibat dengan pelanggaran Syarat Kelulusan Lesen Premis Perniagaan Rumah Urut telah mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Tindakan mengeluarkan Notis Pematuhan Syarat Kelulusan Lesen Premis Perniagaan Restoran telah dibuat terhadap premis terlibat pada 2 Januari 2014.**

Pada pendapat Audit, pihak PBT telah melaksanakan tugas pengawasan terhadap premis perniagaan tanpa lesen dan lesen tamat tempoh dengan memuaskan. Bagaimanapun, masih wujud pemilik premis yang tidak memohon dan membaharui lesen.

1.4.4. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pemantauan dan penguatkuasaan merupakan suatu aspek penting untuk memastikan pengurusan pelesenan perniagaan yang dilaksanakan adalah lebih efektif dan berkesan. Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh PBT adalah melibatkan pengeluaran notis peringatan dan mengeluarkan kompaun atas kesalahan yang dilakukan pelesen. Semakan Audit di MPM, MPT dan MDPH mendapati mekanisme pemantauan dijalankan melalui Laporan Penguatkuasaan, Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan manakala tindakan penguatkuasaan dibuat melalui kompaun yang dilaporkan dalam Laporan Kompaun. Penjelasan selanjutnya adalah seperti berikut:

1.4.4.1. Mekanisme Pemantauan

a. Laporan Penguatkuasaan Oleh Unit Penguat kuasa

Unit Penguatkuasaan PBT menjalankan penguatkuasaan secara berkala terhadap premis perniagaan melalui operasi pelesenan rumah urut, pusat snuker, pusat siber dan pusat hiburan karaoke, pemantauan pelesenan dan operasi permit meja kerusi dan pelesenan. Pihak PBT juga menjalankan operasi bersepadu yang melibatkan agensi luar iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan Daerah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Agensi Dadah Kebangsaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan dan Jabatan Imigresen. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2010 hingga Julai 2013 sebanyak 609 kali operasi penguatkuasaan telah diadakan iaitu 96 kali pada tahun 2010, 217 kali pada

tahun 2011, 216 kali pada tahun 2012 dan 80 kali pada sehingga bulan Julai 2013. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Bilangan Operasi Pelesenan Yang Dijalankan
Bagi Tahun 2010 Hingga Julai 2013

Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Operasi Mengikut Tahun				Jumlah
	2010	2011	2012	Sehingga Julai 2013	
Majlis Perbandaran Manjung	TM	121	120	63	304
Majlis Perbandaran Taiping	96	96	96	17	305
Jumlah	96	217	216	80	609

Sumber: MPM Dan MPT

b. Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Dan Jawatankuasa Kesihatan Dan Penguatkuasaan

Setiap permohonan lesen yang dikategorikan sebagai berisiko dibincang dan diluluskan dalam mesyuarat pelesenan setelah mendapat laporan teknikal terlebih dahulu. Mesyuarat ini juga membincangkan perkara yang berbangkit mengenai pelesenan. Kekerapan mesyuarat yang telah ditetapkan ialah 2 kali sebulan di MPM dan 3 bulan sekali di MPT. Manakala di MDPH, mesyuarat pelesenan dilaksanakan mengikut keperluan jabatan. Semakan Audit mendapati mesyuarat berkenaan telah dijalankan di ketiga-tiga PBT antara 1 hingga 24 kali setahun. Secara umumnya, MPM mengadakan mesyuarat antara 22 hingga 24 kali setahun jika dibandingkan dengan MPT dan MDPH. Bagi tahun 2010 hingga bulan Julai 2013 sebanyak 104 kali mesyuarat telah diadakan iaitu 26 kali pada tahun 2010, 31 kali pada tahun 2011, 29 kali pada tahun 2012 dan 18 kali sehingga bulan Julai 2013. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.9**.

Jadual 1.9
Kekerapan Mesyuarat Bagi Tahun 2010 Hingga Julai 2013

Pihak Berkuasa Tempatan	Kekerapan Mesyuarat Mengikut Tahun				Jumlah
	2010	2011	2012	Sehingga Julai 2013	
Majlis Perbandaran Manjung	22	24	24	14	84
Majlis Perbandaran Taiping	3	3	3	2	11
Majlis Daerah Pengkalan Hulu	1	4	2	2	9
Jumlah	26	31	29	18	104

Sumber: MPM, MPT Dan MDPH

1.4.4.2. Tindakan Penguatkuasaan

a. Kompaun Dikenakan

- i. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh PBT ialah mengeluarkan kompaun ke atas premis perniagaan dan pemegang lesen yang melakukan kesalahan seperti perniagaan tanpa lesen, gagal memperbaharui lesen, gagal

mempamerkan lesen dan gagal mematuhi syarat lesen mengikut kehendak undang-undang kecil yang dikuatkuasakan oleh PBT. Jenis kesalahan yang paling banyak adalah premis tanpa lesen dan diikuti gagal mematuhi syarat lesen. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2010 hingga bulan Jun 2013 sebanyak 2,032 kompaun telah dikeluarkan oleh kedua-dua MPM dan MPT masing-masing sebanyak 700 dan 1,332 kompaun. Tiada kompaun dikenakan oleh MDPH terhadap kesalahan tersebut namun surat peringatan dikeluarkan kepada pesalah tersebut. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Bilangan Kompaun Mengikut Jenis Kesalahan Yang Dikeluarkan
Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2013

Jenis Kesalahan	Bilangan Kesalahan Mengikut Tahun								Jumlah Kecil	
	2010		2011		2012		Sehingga Jun 2013			
	MPM	MPT	MPM	MPT	MPM	MPT	MPM	MPT	MPM	MPT
Premis Tanpa Lesen	118*	223	164	138	180	149	98	263	442	63
Gagal Pamer Lesen		115	25	9	20	73	18	5	63	202
Gagal Membaharui Lesen		TM	12	TM	27	TM	11	TM	50	TM
Gagal Mematuhi Syarat Lesen		152	1	134	15	52	11	19	27	357
Jumlah	118*	490	202	281	242	274	138	287	582	1,332

Sumber: MPM dan MPT

Nota: 118* di Manjung merujuk kepada pelbagai kesalahan untuk 7 premis perniagaan.

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati nilai kompaun yang dikenakan di MPM dan MPT berjumlah RM408,910. Nilai kompaun bagi MPM adalah RM95,305 manakala MPT bernilai RM313,605. Bagaimanapun, di MPT hanya 526 kompaun berjumlah RM73,710 telah dibayar manakala di MPM nilai kompaun dijelaskan tidak dapat dilaporkan kerana tiada pecahan butiran bagi ketujuh-tujuh jenis lesen yang diaudit. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11

Nilai Kompaun Dikenakan Mengikut Jenis Kesalahan Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2013

Tahun	PBT	Jenis Kesalahan				Jumlah Kompaun (RM)
		Premis Tanpa Lesen	Gagal Pamer Lesen	Gagal Membaharui Lesen	Gagal Mematuhi Syarat Lesen	
2010	MPM	21,400*				21,400
	MPT	53,815	27,840	TM	33,440	115,095
2011	MPM	21,380	1,960	510	50	23,900
	MPT	35,000	1,950	TM	32,950	69,900
2012	MPM	27,390	1,470	940	1,315	31,115
	MPT	36,700	13,250	TM	8,380	58,330
Sehingga Jun 2013	MPM	15,180	1,730	1,000	980	18,890
	MPT	65,600	370	TM	4,310	70,280
Jumlah Kecil (RM)	MPM	63,950	5,160	2,450	2,345	73,905
	MPT	191,115	43,410	TM	79,080	313,605
Keseluruhan (RM)		255,065	48,570	2,450	81,425	408,910

Sumber: MPM Dan MPT

Nota: TM (Tiada Maklumat)

Nota: RM21,400* di Manjung merujuk kepada pelbagai kesalahan untuk 7 premis perniagaan

b. Penggredan Premis Makanan

Kaedah pemantauan yang dilaksanakan oleh PBT terhadap premis makanan berlesen adalah dengan mengadakan penggredan premis makanan supaya pelesen sentiasa menyelenggarakan premis dalam keadaan bersih untuk mengelakkan berlakunya wabak penyakit disebabkan persekitaran yang tidak bersih. Pihak PBT telah melaksanakan penggredan terhadap premis makanan pada setiap tahun. Bagi tahun 2010 hingga Julai 2013 sebanyak 1,277 premis makanan telah dilaksanakan penggredan dengan mempamerkan kategori gred A, B atau C. Semakan Audit di MPM mendapati sebanyak 1,088 premis makanan yang telah dibuat penggredan dengan 144 adalah dari kategori A, kategori B sebanyak 546 dan bakinya sebanyak 398 adalah kategori C. Manakala di MPT sebanyak 139 premis makanan yang telah dibuat penggredan dengan 74 di kategori A dan 65 adalah kategori B. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.12**.

Jadual 1.12

Bilangan Penggredan Premis Makanan Bagi Tahun 2010 Hingga Julai 2013

Pihak Berkuasa Tempatan	Gred	Bilangan Operasi Mengikut Tahun				Jumlah
		2010	2011	2012	Sehingga Julai 2013	
Majlis Perbandaran Manjung	A	TM	69	62	13	144
	B	TM	292	219	35	546
	C	TM	153	157	88	398
Majlis Perbandaran Taiping	A	13	18	23	20	74
	B	14	14	19	18	65
	C	0	0	0	0	0
Jumlah		27	546	480	174	1,227

Sumber: MPM Dan MPT

Nota: TM = Tiada maklumat

Pada pendapat Audit, mekanisme penguatkuasaan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh PBT adalah memuaskan kerana tindakan pemantauan telah diambil dengan mengadakan mesyuarat pelesenan, operasi pelesenan, penggredan ke atas premis makanan dan mengenakan kompaun terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pelesen. Tindakan menggredkan premis makanan juga merupakan satu inovasi yang boleh mendorong pemilik premis supaya menjaga premis mereka sentiasa dalam keadaan bersih.

1.5. SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, tahap Pengurusan Pelesenan Perniagaan khususnya bagi 7 jenis lesen perniagaan yang diaudit bagi ketiga-tiga PBT adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk dibuat penambahbaikan oleh PBT berkenaan seperti berikut:

1.5.1. Kerajaan Negeri menyeragamkan syarat-syarat kelulusan lesen di setiap PBT.

1.5.2. PBT mengenakan tindakan undang-undang sewajarnya kepada pengusaha yang gagal mematuhi peraturan.

1.5.3. PBT mengadakan satu mekanisme koordinasi yang lebih mantap dengan agensi teknikal bagi membolehkan ulasan dan pandangan dipercepatkan agar proses kelulusan permohonan lesen dapat dipertingkatkan.

MAJLIS BANDARAYA IPOH MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

2. PENGURUSAN PEROLEHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara tanggungjawab MBI dan MPTI ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam. Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan MBI dan MPTI bertanggungjawab untuk memastikan perolehan Majlis dilakukan dengan teratur tertakluk kepada aspek akauntabiliti, integriti, berekonomi, keberkesanan dan kecekapannya selain daripada mengambil kira kepentingan Kerajaan adalah terjamin. Kaedah perolehan yang dilaksanakan adalah secara pembelian terus, sebut harga dan tender.

2.1.2. Pada tahun 2011 hingga September 2013 pecahan perolehan mengikut kaedah perolehan sebut harga, tender dan rundingan terus bagi MBI dan MPTI adalah seperti di **Jadual 2.1** hingga **Jadual 2.3**.

Jadual 2.1

Pecahan Perolehan Kaedah Sebut Harga, Tender Dan Rundingan Terus Bagi Tahun 2011

Bil.	PBT	Sebut Harga		Tender		Rundingan Terus		Jumlah	
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
1.	MBI	163	29.15	19	33.86	42	16.11	224	79.13
2.	MPTI	44	6.06	1	1.75	-	-	45	7.80
Jumlah		207	35.21	20	35.61	42	16.11	269	86.93

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Perbandaran Teluk Intan

Jadual 2.2

Pecahan Perolehan Kaedah Sebut Harga, Tender Dan Rundingan Terus Bagi Tahun 2012

Bil.	PBT	Sebut Harga		Tender		Rundingan Terus		Jumlah	
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
1.	MBI	161	26.91	33	32.91	46	8.59	240	68.41
2.	MPTI	41	7.13	-	-	-	-	41	7.13
Jumlah		202	34.04	33	32.91	46	8.59	281	75.54

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Perbandaran Teluk Intan

Jadual 2.3**Pecahan Perolehan Kaedah Sebut Harga, Tender Dan Rundingan Terus Sehingga September 2013**

Bil.	PBT	Sebut Harga		Tender		Rundingan Terus		Jumlah	
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
1.	MBI	111	25.06	9	9.88	50	69.30	170	104.24
2.	MPTI	36	5.97	-	-	-	-	36	5.97
Jumlah		147	31.02	9	9.88	50	69.30	206	110.20

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Perbandaran Teluk Intan

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada perolehan MBI dan MPTI mematuhi undang-undang dan peraturan dan dilaksanakan secara cekap, ekonomik serta mencapai matlamatnya.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan perolehan tahun 2011 hingga Oktober 2013 di MBI dan MPTI yang dibiayai daripada peruntukan Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan perolehan PBT. Pemilihan sampel pengauditan adalah 50 daripada 556 sebut harga, 10% daripada 59 tender dan 138 rundingan terus di kedua-dua PBT. Lawatan Audit ke lokasi projek terpilih dan temu bual juga telah dijalankan semasa pengauditan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga November 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan MBI dan MPTI adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Sebahagian perolehan kerja yang dibuat tidak mencapai matlamat.
- Perancangan perolehan tidak dibuat dengan teliti.
- Harga perolehan adalah kurang munasabah.
- Perolehan dibuat tidak mematuhi peraturan sepenuhnya.

2.4.1. Perolehan Kerja Yang Tidak Mencapai Matlamat**2.4.1.1. Menyelenggara Pusat Penjaja Medan Kidd (*Ipoh Tourism Hub*) (Fasa 3)**

- a. Kementerian Pelancongan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM3.78 juta kepada Negeri Perak untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan, baik pulih serta menaik taraf infrastruktur kawasan pelancongan. Majlis Bandaraya Ipoh selaku

agensy pelaksana telah menerima sejumlah RM605,000 bagi Fasa 1 dan 2 dan RM2.13 juta bagi Fasa 3 projek menyelenggara pusat penjaja Medan Kidd (*Ipoh Tourism Hub*) Perak. Komponen kerja bagi Fasa 3 adalah menaik taraf 50 unit gerai sedia ada, menaik taraf tandas sedia ada, pemasangan papan tanda cahaya dan peta lokasi berinformasi, menyediakan pentas kecil bagi aktiviti hiburan dan pemasangan *interlocking pavers* pada jalan masuk.

- b. Semakan Audit terhadap projek menyelenggara pusat penjaja Medan Kidd (*Ipoh Tourism Hub*) Perak Fasa 3 dengan kos asal berjumlah RM2.13 juta mendapati projek berkenaan sepatutnya disiapkan pada 19 Mei 2013 (42 minggu) bermula pada 30 Julai 2012 dan kelulusan lanjutan masa telah diberikan sehingga 12 Ogos 2013. Bagaimanapun, kerja-kerja masih belum siap untuk serahan dan perakuan kerja tidak siap telah dikeluarkan oleh MBI pada 23 Ogos 2013. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan peratusan kerja siap memandangkan tiada Laporan Kemajuan disediakan. Sehingga 26 Disember 2013, sejumlah RM1.93 juta telah dibayar berdasarkan tuntutan oleh kontraktor. Majlis Bandaraya Ipoh telah mengarahkan pihak kontraktor menyiapkan projek sebelum 15 September 2013. Lawatan Audit pada 13 November 2013 mendapati papan tanda cahaya dan peta lokasi berinformasi belum dipasang seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. Pemasangan *interlocking pavers* pada jalan masuk ke pusat penjaja tersebut juga belum dilaksanakan seperti di **Gambar 2.3**. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada *Liquidated Ascertained Damages (LAD)* dikenakan terhadap kontraktor. Mengikut perkiraan Audit sehingga 19 Disember 2013, *LAD* yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor adalah sejumlah RM68,733. Kelewatan menyiapkan kerja-kerja naik taraf pusat penjaja ini mengakibatkan objektif untuk menjadikan kawasan ini sebagai *Hub Tourism* belum tercapai. Majlis Bandaraya Ipoh juga tidak dapat menjana pendapatan daripada hasil sewaan gerai-gerai kerana belum disewa kepada peniaga seperti di **Gambar 2.4** dan **Gambar 2.5**.

Gambar 2.1
Papan Tanda Cahaya
Yang Belum Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penjaja Medan Kidd
Tarikh: 13 November 2013

Gambar 2.2
Peta Lokasi Berinformasi
Yang Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penjaja Medan Kidd
Tarikh: 13 November 2013

Gambar 2.3
Interlocking Pavers
Yang Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penjaja Medan Kidd
Tarikh: 13 November 2013

Gambar 2.4
Gerai-Gerai Jualan Produk Pelancongan
Yang Telah Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penjaja Medan Kidd
Tarikh: 13 November 2013



Gambar 2.5
Gerai Makanan Yang Belum Beroperasi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Penjaja Medan Kidd
Tarikh: 13 November 2013

- c. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, jumlah denda LAD yang telah dikenakan terhadap kontraktor terlibat adalah sejumlah RM47,954 bagi tempoh 90 hari kelewatan. Terdapat kelewatan yang tidak dikenakan denda LAD terhadap pihak kontraktor kerana penangguhan kerja berkaitan atas arahan oleh Pegawai Penguasa. Sijil Perakuan Separa Siap Kerja telah dikeluarkan pada 13 Disember 2013. Bagaimanapun, papan tanda yang sepatutnya dipasang oleh pihak kontraktor masih belum siap kerana terdapat masalah teknikal di tapak projek. Pembayaran akhir dibuat berdasarkan pihak kontraktor telah menyediakan semua bahan bagi tujuan pemasangan papan tanda tersebut dan berdasarkan surat arahan daripada Kementerian Pelancongan yang mengarahkan pembayaran bagi peruntukan tersebut dilaksanakan dalam tahun kewangan 2013.**

2.4.1.2. Membina dan Menyiapkan 30 Unit Kedai Di Jalan Wah Kheng Jooi, Teluk Intan

- a. Projek pembinaan 30 unit kedai ini dibiayai oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) disalurkan kepada MPTI dengan peruntukan sejumlah RM500,000 bagi menggantikan tapak asal 30 unit kedai yang telah terbakar.

Jawatankuasa Sebut Harga MPTI telah memutuskan untuk menawarkan kontrak kepada Syarikat Karoz Bina dengan kos sejumlah RM487,500. Projek mula dilaksanakan pada 22 Oktober 2012 dan sepatutnya siap pada 28 Januari 2013 (14 minggu). Semakan Audit mendapati projek siap sepenuhnya pada 30 April 2013 (27 minggu). Projek ini lewat disiapkan berpunca daripada kesukaran pemindahan peniaga dan tangki diesel dari tapak pembinaan. Lawatan Audit pada 26 November 2013 mendapati 30 unit kedai berkenaan masih belum beroperasi seperti di **Gambar 2.6** kerana pihak MPTI dan Majlis masih belum memilih peniaga yang layak menyewa kedai tersebut. Kelemahan perancangan awal oleh pihak MPTI menyebabkan kedai yang siap dibina masih tidak dapat beroperasi walaupun telah siap sejak bulan April 2013.



Gambar 2.6
Kedai Yang Masih Belum Beroperasi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kedai Jalan Wah Kheng Jooi
Tarikh: 26 November 2013

- b. **Mengikut maklum balas daripada MPTI bertarikh 14 Januari 2014, Mesyuarat Penuh Majlis Bilangan 10/2013 pada 28 Disember 2013 telah membuat keputusan setelah merujuk kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri supaya iklan terbuka dilaksanakan untuk sewaan 30 unit kedai dan tidak menyerahkan terus kepada penyewa asal dengan pembahagian 16 unit untuk Cina, 8 unit untuk Melayu dan 6 unit untuk India. Pada 30 dan 31 Disember 2013, pihak MPTI dengan kerjasama Ahli Majlis telah menjalankan temu duga kepada 204 orang calon yang berkecualan.**

2.4.1.3. Membina Dan Menyiapkan Dewan Chui Chak, Langkap

Projek ini dibina melalui peruntukan KPKT sejumlah RM500,000. Pihak MPTI telah melantik Syarikat Mercu Abadi Sdn. Bhd. secara sebut harga dengan kos sejumlah RM470,300 dan projek ini siap dibina pada 21 Jun 2013. Lawatan Audit pada 26 November 2013 mendapati dewan tersebut masih tidak dapat digunakan kerana belum diserahkan kepada pihak bertanggungjawab. Pihak Audit dimaklumkan, MPTI masih dalam perbincangan untuk memutuskan sama ada dewan tersebut perlu diuruskan oleh pihak Majlis atau diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK). **Mengikut maklum balas daripada MPTI bertarikh 14 Januari 2014, penyenggaraan dan kawalan diuruskan oleh MPTI.**

Pada pendapat Audit, pihak MBI hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang lewat menyiapkan projek dan MPTI hendaklah merancang projek dengan teliti bagi memastikan kedai dan dewan yang dibina dapat digunakan seperti dirancang.

2.4.2. Perancangan Perolehan Tidak Dibuat Dengan Teliti

2.4.2.1. Projek Membaik pulih Jeti, Menara Dan Yang Berkaitan Di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh

- a. Projek membaik pulih jeti, menara dan yang berkaitan di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh mula dilaksanakan pada 25 Julai 2012 dan siap pada 26 Disember 2012 dengan kos asal RM432,787 melalui peruntukan kod Kemudahan-kemudahan Yang Lain sejumlah RM500,000. Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja Bil.199/17/12 pada 26 Disember 2012 memutuskan untuk mengekalkan jeti sementara yang digunakan semasa pembinaan membaik pulih jeti asal menyebabkan tambahan kos pemilikan jeti sementara sejumlah RM30,000. Selain itu, lain-lain kos perubahan kerja yang melibatkan kerja-kerja di tapak sejumlah RM56,216 menjadikan kos keseluruhan projek berjumlah RM519,003. Kelemahan perancangan MBI bagi projek yang dilaksanakan ini menyebabkan kos projek melebihi peruntukan sejumlah RM19,003.
- b. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, jumlah perbelanjaan keseluruhan telah melebihi peruntukan asal disebabkan keputusan pihak Majlis untuk membeli jeti sementara. Peruntukan asal tujuan kegunaan jeti sementara adalah dalam tempoh kontrak pembaikan. Justifikasi pembelian adalah berdasarkan keperluan akan datang bagi kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan secara berkala oleh pihak MBI dan juga boleh digunakan dalam situasi kecemasan.**

2.4.2.2. Kerja-kerja Pengubahsuaian Tingkat 10, Bangunan Ibu Pejabat MBI

- a. Majlis Bandaraya Ipoh telah menawarkan kontrak rundingan terus bagi kerja-kerja pengubahsuaian tingkat 10, Ibu Pejabat MBI pada 24 November 2010 berjumlah RM334,060 melalui peruntukan asal sejumlah RM300,000. Peruntukan tambahan dibuat pada tahun 2011 sejumlah RM140,000 bagi menampung pertambahan kos perubahan kerja RM51,283. Bagaimanapun, satu lagi kontrak rundingan terus ditawarkan kepada kontraktor yang sama bagi kerja-kerja pengubahsuaian tingkat 10 tersebut pada 17 Jun 2011 dengan kos kontrak sejumlah RM68,704. Kerja-kerja pengubahsuaian yang tidak dirancang dengan teliti telah menyebabkan kos keseluruhan pengubahsuaian tingkat 10 tersebut berjumlah RM454,049 meningkat sejumlah RM119,989 atau 35.9% serta melebihi peruntukan asal RM440,000.

- b. Perenggan 3.2, Arahan Akaun Amanah Bayaran Bil Lampu Jalan/Isyarat menetapkan perbelanjaan selain bayaran bil lampu jalan/isyarat hendaklah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemegang Amanah. Semakan Audit mendapati perolehan 2 unit lori *Casis Nissan*, 10 unit *Roro Bin* dan membekal karpas di bilik gerakan dan *Chamber* di Ibu Pejabat MBI masing-masing berjumlah RM477,797, RM82,000 dan RM282,200 hanya diluluskan melalui memo oleh Datuk Bandar dan tiada bukti kelulusan di buat melalui Jawatankuasa Pemegang Amanah. Semakan Audit turut mendapati tiada anggaran perbelanjaan bagi perolehan tersebut diluluskan dalam Belanjawan 2012.
- c. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, pelaksanaan kerja-kerja ubahsuai berdasarkan siling yang diperuntukkan bagi projek tersebut iaitu RM300,000 dan Jabatan pada masa itu telah membuat anggaran awal berjumlah RM299,659. Bagaimanapun, terdapat arahan tambahan yang diluluskan melalui Jawatankuasa Pengubahsuaian Pejabat yang meluluskan pengubahsuaian turut dibuat bagi Bilik Mesyuarat Utama MBI dengan kos tambahan sejumlah RM49,402 daripada peruntukan asal. Syarikat yang dilantik adalah Azam Hias Sdn. Bhd. melalui Jawatankuasa Rundingan Terus pada 23 April 2010 dengan nilai kontrak sejumlah RM334,060. Kerja-kerja tambahan sejumlah RM51,283 iaitu 15% daripada peruntukan asal yang diluluskan semasa pembinaan kerja-kerja ubahsuai. Pihak pengurusan tertinggi memutuskan bahawa kerja-kerja ubahsuai di tingkat 10 mestilah dilaksanakan secara keseluruhan memandangkan MBI di dalam proses pelaksanaan 5S. Untuk itu pihak MBI terus melaksanakan pengubahsuaian pejabat pada bahagian lain yang berkaitan dengan kos sejumlah RM68,704 dan melantik kontraktor yang sama secara rundingan terus bagi memastikan kesinambungan reka bentuk dalamnya.**

2.4.2.3. Pembinaan Kios Di Taman Dr. Seenivasagam

- a. Perenggan 57, Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak dimasukkan dalam belanjawan tahunan yang diluluskan kecuali dengan izin Pihak Berkuasa Negeri. Projek membina sebuah Kios di Taman Dr. Seenivasagam mula dibina pada 7 November 2012 dan siap pada 29 Januari 2013 dengan kos sejumlah RM99,374. Semakan Audit mendapati bayaran pertama berjumlah RM69,500 dibayar pada tahun 2012 menggunakan vot kemudahan-kemudahan yang lain dan baki RM29,874 dibayar pada tahun 2013 dengan menggunakan vot yang sama. Semakan Audit selanjutnya mendapati projek ini tiada dimasukkan di dalam Belanjawan Tahun 2012 dan hanya RM30,000 diluluskan di dalam Belanjawan Tahun 2013. Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Hartanah dan Penswastan yang bersidang pada 19 Jun 2012 memutuskan MBI membina sebuah kios di Taman Dr. Seenivasagam bagi tujuan menjual makanan dan minuman kepada pengunjung taman riadah tersebut. Kelemahan perancangan yang teliti oleh MBI menyebabkan belanjawan bagi pembinaan kios hanya dibuat selepas projek dilaksanakan.

- b. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, bagi peruntukan pembangunan Majlis, agihan peruntukan akan dibuat pada awal tahun berdasarkan permohonan daripada Jabatan yang terlibat bagi projek-projek pembangunan yang dicadangkan. Status pembayaran projek-projek tersebut akan dipantau oleh Jawatankuasa Penasihat Kewangan yang diadakan setiap bulan. Walaupun peruntukan telah dibuat bagi projek-projek yang dicadangkan, terdapat keadaan di mana ada projek yang ditangguhkan pembangunannya kerana masalah yang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, agihan peruntukan pembangunan ini akan diselaraskan dan dipinda dari semasa ke semasa agar pembayaran bagi projek-projek lain yang perlu disegerakan dapat dibuat. Peruntukan sebanyak RM30,000 yang diagihkan pada tahun 2013 adalah bagi membiayai baki bayaran kerja untuk tahun 2013 iaitu bagi bayaran kedua dan bayaran akhir.**

2.4.3. Harga Tidak Begitu Munasabah

Arahan Perbendaharaan 169.1 menetapkan kewajipan setiap pegawai yang menguruskan perolehan membuat kajian pasaran supaya perolehan yang dibuat adalah paling sesuai dan menguntungkan. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan. Perenggan 4.3.1 Arahan Panduan Kepada Penender yang dikeluarkan oleh pihak MBI turut menyatakan harga bagi setiap item hendaklah mencerminkan harga sebenar sesuatu item. Usaha memanipulasikan harga di antara item-item atau di antara bahagian-bahagian di Senarai Kuantiti adalah ditegah. Adalah didapati:

2.4.3.1. Jeti Sementara Di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh

- a. Anggaran kos oleh kontraktor bagi pembinaan 2 buah jeti sementara yang digunakan semasa pembinaan membaik pulih jeti asal di Taman Rekreasi Gunung Lang pada 25 Julai 2012 hingga 26 Disember 2012 berjumlah RM60,609 adalah jauh berbeza dengan anggaran jabatan iaitu RM5,000 bagi kedua-dua jeti. Jeti sementara tersebut kemudiannya dibeli dengan tambahan kos sejumlah RM30,000 selepas keputusan pemilikan jeti sementara dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja Bil.199/17/12 pada 26 Disember 2012. Pihak Audit mendapati kos keseluruhan yang dibayar kepada kontraktor bagi 2 buah jeti sementara tersebut adalah RM90,609. Pengesahan yang telah dibuat oleh pihak Audit dengan Jabatan Teknikal mendapati anggaran kos bagi 2 jeti sementara tersebut adalah RM20,000. Kegagalan pihak MBI membuat semakan dan perbandingan harga antara senarai kuantiti MBI dan kontraktor menyebabkan harga yang dibayar kepada kontraktor adalah tidak munasabah dan lebih tinggi dari harga anggaran MBI sehingga RM85,609. **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8** menunjukkan jeti sementara di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh.

Gambar 2.7
Jeti Sementara di Taman Rekreasi
Gunung Lang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti 1, Taman Rekreasi Gunung Lang
Tarikh: 22 Oktober 2013

Gambar 2.8
Jeti Sementara di Taman Rekreasi
Gunung Lang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jeti 2, Taman Rekreasi Gunung Lang
Tarikh: 22 Oktober 2013

- b. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, Kontrak yang ditawarkan adalah secara terbuka untuk Kelas E (Bumiputera). Oleh yang demikian, harga yang ditawarkan adalah daripada pihak kontraktor sendiri. Bagaimanapun, secara keseluruhannya kos kontrak yang ditawarkan oleh pihak kontraktor masih lagi rendah jika dibandingkan dengan anggaran jabatan sejumlah RM499,944 berbanding RM432,787. Namun pihak MBI tidak melaksanakan penyelarasan harga yang ditawarkan. Mulai akhir tahun 2013, pihak MBI telah mula melaksanakan penyelarasan harga dalam proses perolehan.**

2.4.3.2. **Leach Bin Di Rumah Pangsa Kinta Height**

- a. Anggaran kontraktor bagi satu unit *leach bin* 660 liter seperti **Gambar 2.9** yang dibekalkan semasa projek menaik taraf kerja-kerja mengecat dan pembaikan kecil rumah pangsa Kinta Height berharga RM7,000 adalah lebih tinggi berbanding anggaran oleh MBI yang hanya RM1,500. Berdasarkan kajian pasaran yang dilaksanakan oleh pihak Audit mendapati harga seunit *leach bin* yang mempunyai saiz yang sama hanya antara RM1,250 hingga RM1,550.



Gambar 2.9
Leach Bin

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Pangsa, Kinta Height
Tarikh: 22 Oktober 2013

- b. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, Pihak MBI akur tidak melaksanakan penyelarasan harga yang ditawarkan supaya lebih rasional. Bagaimanapun, secara keseluruhannya kos kontrak yang ditawarkan oleh pihak kontraktor masih lagi rendah jika dibandingkan dengan anggaran jabatan. Mulai akhir tahun 2013, pihak Majlis telah mula melaksanakan penyelarasan harga dalam proses perolehan.**

Pada pendapat Audit, sekiranya perancangan dilaksanakan dengan teliti dan harga pasaran digunakan sebagai panduan semasa menetapkan harga kontrak, semakan dan perbandingan yang teliti terhadap senarai kuantiti kontraktor dilaksanakan dengan telus, MBI akan dapat menentukan harga yang munasabah serta mengelakkan manipulasi harga.

2.4.4. Perolehan Tidak Mematuhi Peraturan Sepenuhnya

2.4.4.1. Bon Pelaksanaan

- a. Perenggan 50.2 (b) dan (c), Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan nilai Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak perkhidmatan yang melebihi RM500,000. Kontrak perkhidmatan bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh 2 tahun atau lebih, peratus atau pengiraan nilai bon pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
- b. Semakan Audit mendapati pada 1 April 2013, MBI telah melantik Syarikat LTC Alam Bersih Sdn. Bhd. secara konsesi selama 15 tahun secara rundingan terus melalui Jawatankuasa Penasihat Tujuan-tujuan Am tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Tujuan lantikan Syarikat ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan kutipan sampah domestik bagi keseluruhan kawasan pentadbiran MBI. Berdasarkan kontrak perjanjian yang telah ditandatangani di antara pihak MBI dengan Syarikat, nilai tuntutan adalah RM6.80 per premis bagi 125,067 premis atau RM850,456 sebulan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati mulai bulan Mei hingga September 2013, jumlah tuntutan adalah RM912,988 sebulan. Berdasarkan kiraan pihak Audit kos purata perolehan setahun ialah RM10.96 juta.
- c. Bon Pelaksanaan yang dibayar oleh pihak Syarikat adalah RM1 juta bagi jumlah kontrak bernilai RM10.96 juta setahun (Kiraan Audit). Bagaimanapun, tempoh sah laku Bon Pelaksanaan yang dikemukakan dalam bentuk jaminan bank tidak selaras kerana tempoh sah laku konsesi selama 15 tahun sepatutnya bermula 1 April 2013 hingga 31 Mac 2028. Semakan Audit mendapati 2 jaminan bank yang berjumlah RM1 juta berkuat kuasa mulai daripada 1 April 2013 hanya sehingga 31 Mac 2018 iaitu bagi tempoh 5 tahun. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pihak MBI

telah mendapatkan jaminan bank yang baru merangkumi keseluruhan tempoh kontrak daripada Syarikat berkenaan sehingga tarikh akhir pengauditan.

- d. **Maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014 adalah seperti berikut:**
- i. **Lantikan kontraktor bagi perkhidmatan kutipan sampah ini dibuat secara Rundingan Terus berdasarkan faktor keperluan mendesak dan maksud penyeragaman. Bagi maksud penyeragaman, Syarikat LTC Alam Bersih Sdn. Bhd. telah mempunyai pengalaman selama 8 tahun dengan MBI. Dari segi kewangan, kos yang ditawarkan oleh pihak Syarikat ini lebih menjimatkan MBI berbanding sekiranya MBI menggunakan perkhidmatan Perbadanan Sisa Pepejal iaitu pada kadar RM14.20 per premis bagi taraf Bandaraya. Pihak Berkuasa Negeri Perak mengambil maklum tentang pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal namun menanggukkan perlaksanaannya sehingga ke satu tempoh yang akan ditentukan. Pihak MBI menggunakan sepenuhnya peruntukan kewangan sendiri tanpa melibatkan sebarang peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.**
 - ii. **Pembayaran Bon Pelaksanaan adalah tertakluk di dalam Para 8, Perjanjian Konsesi Perkhidmatan yang telah ditandatangani di antara MBI dan pihak Syarikat berjumlah RM1 juta bagi 2 tahun kontrak untuk tempoh sah laku 1 April 2013 hingga 31 Mac 2018.**

2.4.4.2. Syarat-Syarat Perjanjian Konsesi Tidak Dipatuhi

- a. Perenggan 3(d), Lampiran (Spesifikasi Kerja), Perjanjian Konsesi Penswastaan Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Dan Tred Keseluruhan Kawasan Pentadbiran MBI memperuntukkan kontraktor hendaklah menyediakan bilangan lori yang mencukupi dan boleh dikenakan denda RM100 bagi tiap-tiap hari kegagalan. Semakan Audit mendapati kontraktor telah menyewa semula lori MBI dengan sewa RM1,000 seunit bagi 5 unit lori bagi bulan Oktober hingga Disember 2013.
- b. Perenggan 9.5, Perjanjian Konsesi Penswastaan Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Dan Tred Keseluruhan Kawasan Pentadbiran MBI menyatakan kontraktor hendaklah menyediakan laporan kepada MBI dan diserahkan kepada Pegawai Penguasa bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Perenggan 6.1(b) Lampiran (Spesifikasi Kerja) turut menyatakan bahawa MBI berhak memotong bayaran sekiranya syarikat tidak menjalankan perkhidmatan dengan sempurna dan memuaskan mengikut laporan bulanan yang diterima oleh MBI setiap bulan. Semakan Audit mendapati tiada bukti laporan bulanan disedia dan diserahkan kepada MBI. Selain itu, MBI juga tidak menyediakan laporan pemantauan bagi mengesahkan tuntutan oleh syarikat sebelum bayaran dibuat.

- c. Perenggan 10.1 dan 10.2, Perjanjian Konsesi Penswastaaan Perkhidmatan Kutipan Sampah Domestik Dan Tred Keseluruhan Kawasan Pentadbiran MBI menghendaki MBI melantik sebuah jawatankuasa bagi tujuan mengadakan pengiraan semula dan jawatankuasa ini berhak untuk meluluskan pertambahan pegangan jika ada keperluan dan pihak syarikat hendaklah mengadakan pengiraan semula premis yang diberi perkhidmatan setiap 6 bulan. Semakan Audit mendapati tiada bukti MBI telah menubuhkan jawatankuasa dan syarikat ada membuat pengiraan semula premis seperti yang dipersetujui di dalam syarat-syarat perjanjian.
- d. **Maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014 adalah seperti berikut:**
- i. Pihak syarikat mempunyai tempoh sehingga Disember 2013 bagi menyediakan bilangan lori yang secukupnya untuk pengambilan keseluruhan kawasan dan ianya telah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2014. Namun disebabkan tempoh masa penerimaan lori baru yang agak lama, syarikat telah memohon kepada pihak MBI untuk menyewa sebahagian lori MBI bagi menampung pertambahan kawasan. Penyewaan lori MBI yang dibuat oleh kontraktor adalah bagi memenuhi keperluan lori Syarikat LTC Alam Bersih bagi jangka masa pendek.
 - ii. Pihak Jabatan yang bertanggungjawab akan memperbaiki kaedah laporan pemantauan sedia ada yang mana sebelum ini laporan yang disediakan tidak seragam dan tidak terperinci. Beberapa penambahbaikan telah dibuat di mana laporan pemantauan yang disediakan akan dikemukakan kepada pengurusan MBI dan setiap kali tuntutan dibuat. Selain itu, pihak MBI turut mempertingkatkan prestasi pasukan pemantau dengan penambahan anggota dari kalangan pekerja awam.
 - iii. Jawatankuasa Memantau Bilangan Pegangan tersebut telah diwujudkan pada bulan Mac 2013 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bandaraya. Pihak Majlis akan mengemukakan surat lantikan ahli jawatankuasa bagi Jawatankuasa Pemantauan Perlaksanaan Perkhidmatan Kutipan Sampah di Bandaraya Ipoh.

2.4.4.3. Wang Jaminan Pelaksanaan

Perenggan 53.2(b), Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan bahawa Agensi boleh memulangkan 50% daripada nilai Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) setelah Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Baki 50% hanya boleh dipulangkan sekiranya kontraktor dapat mengemukakan Bon Pelaksanaan yang sama nilai WJP atau WJP tersebut hendaklah dipulangkan 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan. Semakan Audit terhadap projek membaik pulih jeti, menara dan yang berkaitan di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh mendapati jumlah keseluruhan WJP adalah RM21,639 atau 5% daripada kos asal kontrak berjumlah RM432,787 tidak

ditolak semasa bayaran akhir kepada kontraktor melalui baucar A261543 bertarikh 7 Januari 2013. Memandangkan pihak kontraktor tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan, MBI tidak sepatutnya memulangkan keseluruhan amaun WJP sebelum tamat tempoh kecacatan pada 26 Disember 2013. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, MBI mengakui terdapat kesilapan pengiraan dan akur dengan teguran Audit.**

2.4.4.4. Lantikan Juruperunding

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2006 menetapkan agensi hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya/Jabatan Pengairan Dan Saliran) untuk mendapat pelepasan bagi melaksanakan sendiri projek yang melebihi RM5 juta. Arahan Perbendaharaan 187(a)(i) turut menetapkan Pihak Berkuasa Melulus perolehan perkhidmatan perunding adalah Lembaga Perolehan 'A' agensi di mana Lembaga tersebut diberi had nilai kuasa untuk meluluskan pelantikan perunding bagi kos projek pembangunan fizikal sehingga RM50 juta. Semakan Audit mendapati MBI telah melantik Juruperunding untuk mereka bentuk struktur dan infra bagi Projek Pembangunan Semula Pasar Tanjung Rambutan, Ipoh secara lantikan terus melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tender Bil. 111/02/11 pada 11 Mac 2011. Bagaimanapun, Juruperunding yang dilantik tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan tidak mempunyai Kod Bidang yang bersesuaian ketika melaksanakan tugas iaitu kod 231100 - Pengurusan Projek atau 230100 - Kejuruteraan Awam atau 230200 - Kejuruteraan Struktur. Syarikat ini hanya berdaftar sebagai kontraktor di dalam bidang bekalan dan perkhidmatan di bawah sub-kepala 220802 – Bangunan. Surat setuju terima telah dikeluarkan pada 18 April 2011 dengan tawaran harga sejumlah RM719,664 atau 10% daripada kos kontrak projek. Sehingga 3 Ogos 2012, MBI telah membuat bayaran kepada Juruperunding ini sejumlah RM613,714.
- b. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, pelantikan Juruperunding bagi Projek Pembangunan Semula Pasar Tanjung Rambutan dilantik secara Rundingan Terus. Bagaimanapun, setelah dilantik pihak MBI mendapati pihak perunding masih belum berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan MBI telah mengeluarkan surat kepada perunding supaya mendaftar dengan Kementerian Kewangan bagi mendapatkan kod bidang 231100, 230100 dan 230200. Pihak perunding Arcradius Sdn. Bhd. telah bersetuju menyerahkan hak bagi Penerimaan Bayaran Yuran Khidmat Perunding kepada firma Jamal Shuaib Architect. Pihak MBI mengambil maklum teguran pihak Audit dan memastikan perkara ini tidak berulang di masa akan datang.**

2.4.4.5. Perjanjian Kontrak Tidak Disediakan

- a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 176.1(a) dan 176.1(b), sebelum sesuatu tender disetujui terima, Pegawai Pengawal hendaklah berpuas hati bahawa syarat-syarat

perolehan itu telah diputuskan dan dinyatakan dengan jelas. Selepas setuju terima pihak berkuasa berkenaan, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan oleh Pegawai Pengawal. Bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan secara sebut harga di mana kontrak formal tidak sesuai, memadai pesanan Kerajaan atau inden kerja hendaklah dikeluarkan. Bagaimanapun, syarat-syarat dan terma-terma hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pelawaan sebut harga bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin/terpelihara dan disertakan bersama pesanan Kerajaan atau inden kerja supaya kontraktor jelas mengenai obligasinya.

- b. Semakan Audit mendapati perjanjian kontrak tidak disediakan bagi 10 daripada 12 sampel perolehan sebut harga bernilai RM3.07 juta di MPTI. Tiada syarat-syarat dan terma-terma dinyatakan dengan jelas di dalam Inden Kerja seperti menggariskan had obligasi kontraktor dan hak kedua-dua pihak Majlis dan kontraktor untuk menjaga kepentingan dan melicinkan urusan pelaksanaan sesuatu perolehan. Semua terma dan syarat yang dipersetujui bagi melindungi hak-hak Kerajaan adalah penting dinyatakan di dalam semua kontrak bagi mengelakkan risiko penipuan. Projek-projek yang tidak mempunyai perjanjian kontrak seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Perjanjian Kontrak Tidak Disediakan

Bil.	Nama Projek	Kos Perolehan (RM Juta)
1.	Penyelenggaraan Rumah Pangsa Sinar Taman Sinar Jaya Di Bawah Program TP-1 Malaysia	0.20
2.	Membina Bumbung Terbuka (Open Shed) Di Dewan Pekan Langkap	0.34
3.	Menaik taraf Dewan Orang Ramai Di Chenderong Balai, Teluk Intan	0.18
4.	Membina Dewan Terbuka Di Chenderong Balai	0.44
5.	Membekal Dan Memasang Tiang Lampu Jalan Di Bawah Program Bandar Selamat Untuk MPTI	0.50
6.	Membina Dan Menyiapkan 15 Unit Gerai Mobile Di Kawasan MPTI	0.22
7.	Membina Dan Menyiapkan 30 Unit Gerai Di Jalan Wah Kheng Jooi	0.49
8.	Membina Dan Menyiapkan Dewan Chui Chak	0.47
9.	Menaik Taraf Dataran Dan Parkir Di Jalan Padang Tembak	0.23
10.	Membekal Alatulis Pejabat, Alatulis Komputer Dan Bahan Percetakan	Tiada Nilai
Jumlah		3.07

Sumber: Majlis Perbandaran Teluk Intan

2.4.4.6. Perubahan Kerja Tidak Diluluskan oleh Pegawai Penguasa

Jadual II(a), Arahan Perbendaharaan 202.2 menetapkan satu jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa yang dinamakan di dalam kontrak bagi kontrak yang tidak melebihi RM10 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 10% daripada nilai kontrak. Semakan Audit mendapati perubahan kerja bagi perolehan seperti di **Jadual 2.5** diluluskan oleh Ahli Majlis yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar. Tiada bukti tandatangan oleh Pegawai Penguasa yang meluluskan perubahan kerja. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, MBI akur tiada tandatangan Pegawai Penguasa untuk perubahan kerja dan telah**

mengambil tindakan mulai akhir tahun 2013 bagi memastikan Pegawai Penguasa menandatangani setiap perubahan kerja.

Jadual 2.5
Perubahan Kerja Tidak Diluluskan Oleh Pegawai Penguasa

Bil.	Nama Projek	Kos Asal Projek (RM)	Kos Perubahan Kerja (RM)	Peratus Perubahan Kerja (%)
1.	Cadangan Membaik pulih Jeti, Menara Dan Yang Berkaitan Di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh	432,787	86,217	19.9
2.	Cadangan Kerja-kerja Pengubahsuaian Tingkat 10, Bangunan Ibu Pejabat MBI	334,063	51,283	15.4
3.	Sumbangan Bagi Pengindahan Little India di Negeri Perak	349,600	49,710	14.2
4.	Program Bandar Selamat 2013 – Cadangan Pemasangan <i>Railing & Bollard</i> Di Jalan Hospital, Ipoh (Zon C – Rumah Pangsa Jalan Hospital)	407,022	21,850	5.4
5.	Cadangan Pemasangan Tiang Dan Lampu Jalan Di Sepanjang Jalan Raja Di hilir Mulai Dari Bulatan Sultan Abdul Aziz, Ipoh	989,140	12,790	1.3

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh

2.4.4.7. Tiada Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Penguasa

Perenggan 9.1(b), Akta Prosedur Kewangan 1957 menetapkan kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai-pegawai bawahan yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal mestilah dinyatakan dengan jelas dan khusus setakat mana mereka dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya dan mestilah dinyatakan dengan bertulis. Semakan Audit mendapati tiada penurunan kuasa dibuat oleh Datuk Bandar kepada Pegawai Penguasa yang bertanggungjawab mengawal selia dan memberi arahan kerja di MBI menurut peruntukan perjanjian berasaskan Borang Standard JKR 203. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, Majlis akur dan akan mengeluarkan surat penurunan kuasa daripada Pegawai Pengawal kepada Pegawai Penguasa bagi semua kontrak kerja dan tidak terhad kepada amaun projek.**

2.4.4.8. Tiada Jawatankuasa Penilaian

Perenggan 7.2, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 menetapkan penilaian sebut harga kerja hendaklah dilaksanakan oleh satu Jawatankuasa Penilaian yang dianggotai oleh tidak kurang 3 orang pegawai dan salah seorang ahli jawatankuasa berkenaan hendaklah seorang pegawai teknikal dalam bidang kerja terbabit. Semakan Audit mendapati tiada Jawatankuasa Penilaian ditubuhkan bagi perolehan kerja di MPTI. Laporan Penilaian dan Pengesyoran Sebut Harga MPTI hanya dilaksanakan oleh seorang Penolong Jurutera Gred J29. **Mengikut maklum balas daripada MPTI bertarikh 14 Januari 2014, Jawatankuasa Penilaian akan dilantik bagi sesi 2014-2015.**

2.4.4.9. Pembelian Terus Melebihi RM50,000 Setahun

Arahan Perbendaharaan 173.1 menyatakan pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Manakala Arahan Perbendaharaan 170.1 menetapkan pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 hendaklah dibuat secara sebut harga daripada sekurang-kurangnya 5 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Pembelian Terus Kertas Fotostat

Pada tahun 2011, pihak MBI telah melantik Syarikat Ajensi Riaz secara sebut harga bagi tempoh Mei 2011 sehingga Mei 2013 bagi membekal kertas fotostat. Bagaimanapun, bagi tempoh yang sama pihak MBI turut membuat perolehan kertas fotostat dengan lain-lain pembekal seperti **Jadual 2.6**. Perolehan secara pembelian terus melalui lain-lain pembekal ini menyebabkan harga perolehan kertas fotostat berbeza-beza dan tiada jaminan harga yang ditawarkan adalah yang paling menguntungkan MBI. Jumlah keseluruhan perolehan kertas fotostat bagi tahun 2011, 2012 dan sehingga Mei 2013 adalah RM189,802. **Mengikut maklum balas daripada MBI bertarikh 15 Januari 2014, memandangkan kos pembelian kertas A4 melebihi RM50,000, pihak MBI akan memastikan urusan pelantikan syarikat pembekal mulai tahun 2014 dibuat dengan teliti melalui proses sebut harga.**

Jadual 2.6
Perolehan Kertas Fotostat Selain Syarikat Ajensi Riaz

Bil.	Pembekal	Jumlah Perolehan 2011 (RM)	Jumlah Perolehan 2012 (RM)	Jumlah Perolehan Sehingga Mei 2013 (RM)
1.	Cipta Printing & Publications (M) Sdn. Bhd.	11,600	59,472	-
2.	Optimum Eight Sdn. Bhd.	5,905	-	-
3.	Teguh Enigma Enterprise	15,920	-	-
4.	D Sha Office Supply	-	8,280	-
5.	HHZ Supplier	-	5,400	-
6.	Omar Hashimi Enterprise	-	-	1,800
7.	Perniagaan Samsudin Ramli Sdn. Bhd.	-	-	2,650
Jumlah		33,425	73,152	4,450

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh

b. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

- i. Pada tahun 2011 sehingga 2013, MPTI telah melantik syarikat kawalan keselamatan swasta bagi membekalkan perkhidmatan kawalan keselamatan secara terus di 5 lokasi di bawah tanggungjawab Majlis iaitu *Glutton Square*, Pasar Baru Langkap, Pasar Besar Teluk Intan, Tapak Pelupusan Sampah Batu 7

Jalan Changkat Jong dan Plaza R&R Batu 5 Teluk Intan. Semakan Audit terhadap jumlah bayaran MPTI kepada Syarikat SIMDO Sdn. Bhd. bagi perkhidmatan kawalan keselamatan bagi tempoh 3 tahun tanpa melalui sebut harga adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7

Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Melebihi RM50,000 Setahun

Bil.	Lokasi Kawalan Keselamatan	Jumlah Perolehan 2011 (RM)	Jumlah Perolehan 2012 (RM)	Jumlah Perolehan September 2013 (RM)
1.	Medan Selera <i>Glutton Square</i> Teluk Intan	17,061	18,312	13,659
2.	Pasar Baru Langkap	27,824	25,913	19,328
3.	Pasar Besar Teluk Intan	18,550	17,275	12,886
4.	Tapak Pelupusan Sampah Batu 7 Jalan Changkat Jong	27,824	25,912	29,429
5.	Plaza R&R Batu 5 Teluk Intan	24,114	22,458	17,357
Jumlah		115,373	109,870	92,659

Sumber: Majlis Perbandaran Teluk Intan

- ii. **Mengikut maklum balas daripada MPTI bertarikh 14 Januari 2014, MPTI telah menerima 5 sebut harga tetapi tidak dibawa ke dalam Jawatankuasa Perolehan. Pada tahun 2014, Bahagian Pentadbiran akan membuat perolehan secara sebut harga.**

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan hendaklah dibuat dengan cekap dan berintegriti. Pengurusan perolehan yang tidak mematuhi kehendak dan ketetapan peraturan, arahan, undang-undang dan perancangan yang komprehensif boleh menimbulkan risiko salah guna kuasa hendaklah dihindari. Ketidakpatuhan peraturan seperti memecah kecil perolehan boleh menyebabkan tawaran harga yang diterima kurang kompetitif.

2.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya Pengurusan Perolehan bagi 2 PBT yang dilawati adalah kurang memuaskan. Bagi meningkatkan urusan perolehan, MBI dan MPTI perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, MBI dan MPTI adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Memastikan projek siap digunakan untuk mengelakkan pembaziran.

2.5.2. Memastikan perolehan dibuat dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

2.5.3. Memastikan setiap perolehan bermasa hendaklah disertakan dengan satu kontrak formal bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan Majlis.

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

3. PENGURUSAN PROJEK KECIL PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SUK) adalah agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek kecil pembangunan luar bandar di 10 daerah di negeri Perak. Sumber pembiayaan projek kecil adalah daripada Peruntukan Pembangunan (P.02) yang dikhususkan untuk Program Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar. Peruntukan untuk program ini diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Menteri Besar, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang disalurkan melalui UPEN. Objektif program adalah untuk menyediakan kemudahan asas kepada masyarakat luar bandar antaranya seperti membina dewan, gelanggang sukan, jalan, jambatan dan surau serta membaiki pulih longkang atau parit dan sebagainya. Agensi pelaksana bagi program ini adalah Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

3.1.2. Bagi tahun 2011 hingga 2013, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM27.36 juta bagi pelaksanaan Program Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar di 10 daerah di negeri Perak. Manakala perbelanjaan bagi tempoh tersebut berjumlah RM25.78 juta atau 94.2% melibatkan sebanyak 1,148 pelbagai projek kecil luar bandar. Peruntukan bagi program ini disalurkan kepada agensi pelaksana melalui waran peruntukan kecil. Butiran perbelanjaan berbanding peruntukan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Jumlah Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Yang Diluluskan
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Jumlah Peruntukan		Peratus Perbelanjaan (%)	Bilangan Projek
	Diluluskan (RM Juta)	Dibelanja (RM Juta)		
2011	8.52	8.35	98.0	321
2012	10.30	8.98	87.2	489
2013	8.54	8.45	98.9	338
Jumlah	27.36	25.78	94.2	1,148

Sumber: Rekod UPEN, SUK

3.1.3. Sebanyak 3 agensi pelaksana iaitu PDT Taiping, PDT Manjung dan PDT Kerian dipilih sebagai sampel Audit dengan peruntukan berjumlah RM10.52 juta melibatkan sebanyak 497 projek kecil atau 43.3% daripada jumlah keseluruhan projek iaitu 1,148. Fokus pengauditan adalah terhadap 3 jenis projek iaitu pembinaan jalan, dewan/bangunan dan gelanggang sukan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Jumlah Peruntukan Dan Bilangan Projek Di Tiga Daerah
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Daerah	Jumlah Peruntukan (RM Juta)	Bilangan Projek
1.	Larut Matang Dan Selama	5.43	245
2.	Manjung	2.78	143
3.	Kerian	2.31	109
Jumlah		10.52	497

Sumber: Rekod UPEN, SUK

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek kecil di bawah program perkhidmatan masyarakat dan luar bandar telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan cekap serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek kecil yang dilaksanakan pada tahun 2011 hingga tahun 2013 di daerah Larut Matang Dan Selama, Manjung dan Kerian. Kaedah pengauditan adalah dengan melakukan semakan terhadap fail dan dokumen berkaitan projek serta perbandingan spesifikasi projek dengan pembinaan sebenar di tapak projek. Temu bual dengan pegawai yang terlibat serta lawatan ke tapak projek yang dipilih turut dilakukan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan projek kecil pembangunan luar bandar adalah memuaskan dari segi prestasi pelaksanaan fizikal projek, pengagihan projek kepada kontraktor yang berwibawa, pematuhan prosedur pemilihan kontraktor, pematuhan spesifikasi projek serta pemantauan oleh agensi pelaksana kecuali beberapa kelemahan seperti berikut:

- Gelanggang sukan untuk permainan sepak takraw dan badminton siap dibina tetapi tidak digunakan.
- Gelanggang sukan untuk permainan futsal yang baru setahun siap telah rosak.
- Pemantauan tidak dibuat dengan sempurna oleh UPEN iaitu tiada penyelarasan antara agensi pelaksana projek menyebabkan berlaku kerja yang bertindih di tapak projek serta prosedur pemantauan yang tidak seragam di 3 daerah.

3.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

3.4.1.1. Pada tahun 2011 hingga tahun 2013, tiga PDT telah berjaya melaksanakan 497 projek kecil dengan kos berjumlah RM10.52 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Bilangan Projek Yang Berjaya Disiapkan Dan Kos Projek Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Daerah	Bilangan Projek Mengikut Tahun			Jumlah	
		2011	2012	2013	Bilangan Projek	Kos Projek (RM Juta)
1.	Larut Matang Dan Selama	111	86	48	245	5.43
2.	Manjung	41	73	29	143	2.78
3.	Kerian	49	37	23	109	2.31
Jumlah		201	196	100	497	10.52

Sumber: Rekod UPEN, SUK

3.4.1.2. Daripada 497 projek, sebanyak 144 fail yang berkaitan dengan projek jalan, bangunan dan gelanggang sukan telah disemak manakala lawatan tapak telah dilakukan terhadap 90 projek seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Jumlah Fail Yang Disemak Dan Bilangan Lawatan Tapak Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	Daerah	Bilangan Projek Mengikut Tahun			Jumlah	
		2011	2012	2013	Bilangan Projek	Lawatan Tapak
1.	Larut Matang Dan Selama	32	24	16	72	34
2.	Manjung	12	15	13	40	31
3.	Kerian	12	10	10	32	25
Jumlah		56	49	39	144	90

Sumber: PDT Larut, Matang Dan Selama, PDT Manjung, PDT Kerian

3.4.1.3. Hasil daripada pemeriksaan terhadap fail projek dan lawatan tapak mendapati perkara seperti berikut:

a. Pemilihan Kontraktor

Bagi melaksanakan projek kecil pembangunan luar bandar, ketiga-tiga PDT menggunakan kaedah pemilihan kontraktor secara sebut harga bagi kos projek melebihi RM20,000. Manakala bagi projek dengan kos di bawah RM20,000, kelulusan Pejabat Kewangan Negeri dimohon yang membenarkan pemilihan kontraktor secara pemberian terus atau undian. Hasil daripada pengauditan mendapati proses pemilihan kontraktor adalah teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

b. Projek Lewat Disiapkan

Pada tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 497 projek telah berjaya dilaksanakan oleh 3 PDT terpilih. Daripada 497 projek, sebanyak 144 fail projek disemak dan didapati 18 projek telah lewat siap daripada jadual asal. Lanjutan masa telah diberi kepada 18 projek berkenaan kerana mempunyai alasan yang munasabah. Manakala 6 lagi projek yang juga lewat siap antara 4 hingga 73 hari tidak diberikan lanjutan masa dan telah dikenakan penalti berjumlah RM3,360 seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5

Bilangan Projek Yang Lewat Disiapkan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Bil.	PDT	Bilangan Projek Lewat Siap						Penalti (RM)
		Lanjutan Masa Diberi			Tiada Lanjutan Masa Diberi			
		2011	2012	2013	2011	2012	2013	
1.	Larut, Matang Dan Selama	9	0	0	1	4	1	3,360
2.	Manjung	1	2	2	0	0	0	-
3.	Kerian	0	2	2	0	0	0	-
Jumlah		10	4	4	1	4	1	3,360

Sumber: PDT Larut, Matang Dan Selama, PDT Manjung, PDT Kerian

c. Projek Siap Tetapi Tidak Digunakan

i. Projek Membina Semula Gelanggang Sepak Takraw Di Kampung Tualang, Beruas

Projek membina semula gelanggang sepak takraw di Kampung Tualang, Beruas, Daerah Manjung dengan kos RM20,000 telah disiapkan sepenuhnya pada 25 Oktober 2012. Ia dibina dengan tujuan menyediakan kemudahan tempat sukan takraw untuk penduduk kampung tersebut. Lawatan Audit pada 12 Disember 2013 mendapati gelanggang ini telah tidak digunakan. Keadaan gelanggang adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**. Pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh gelanggang tersebut tidak digunakan.

Gambar 3.1
Gelanggang Sepak Takraw Yang Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tualang, Beruas, Manjung
Tarikh: 12 November 2013

Gambar 3.2
Lubang Tiang Jaring Tertimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tualang, Beruas, Manjung
Tarikh: 12 November 2013

ii. Projek Membina Baru Gelanggang Sepak Takraw Di Sungai Wangi

Projek membina baru gelanggang sepak takraw di Taman Manickavasagam, Sungai Wangi, Daerah Manjung dengan kos RM 20,000 telah disiapkan sepenuhnya pada 12 Disember 2012. Ia dibina dengan tujuan menyediakan kemudahan tempat sukan takraw untuk penduduk taman tersebut. Lawatan Audit pada 11 November 2013 mendapati gelanggang ini telah terbiar tidak digunakan. Keadaan gelanggang adalah seperti di **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4**. Pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh gelanggang tersebut tidak digunakan.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Manickavasagam,
Sg. Wangi, Manjung
Tarikh: 11 November 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Manickavasagam,
Sg. Wangi, Manjung
Tarikh: 11 November 2013

iii. **Mengikut maklum balas daripada Pejabat UPEN bertarikh 15 Januari 2014, setiap projek yang selesai dilaksanakan akan diserahkan kepada pihak yang berwajib atau pihak yang bertanggungjawab di sesuatu kawasan tersebut. Kedua-dua gelanggang ini telah diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) terbabit untuk disenggara dan kawalan terhadap penggunaannya. Pentadbiran ini pada dasarnya, telah melepaskan tanggungjawab menjaga dan menyenggara gelanggang-gelanggang tersebut sebaik sahaja gelanggang tersebut diserahkan kepada pihak JKKK. Sekiranya gelanggang tersebut tidak digunakan atau *under utilized*, ia adalah di luar kawalan pihak PDT ini.**

d. Kemudahan Siap Tetapi Rosak: Projek Membaiki Gelanggang Futsal Penempatan Semula Kampung Tersusun Di Jalan Gula, Selinsing

i. Projek membaiki gelanggang futsal di Jalan Gula, Selinsing Daerah Kerian dengan kos RM8,000. Kerja utama adalah memasang pagar berjejaring berangkai dengan kos RM1,634 dan membina dataran kejat dengan kos RM3,928. Projek telah disiapkan sepenuhnya pada 21 Jun 2012. Menurut PDT Kerian, gelanggang tersebut selalu digunakan oleh penduduk kampung untuk

bermain futsal. Lawatan Audit pada 12 Disember 2013 mendapati jaring pagar yang dibina telah hilang dan rosak seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**. Namun, tiada laporan berhubung perkara tersebut dikemukakan oleh penduduk setempat atau Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung kepada PDT Kerian.

Gambar 3.5
Jaring Pagar Telah Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gula, Selingsing
Tarikh: 12 Disember 2013

Gambar 3.6
Jaring Pagar Telah Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gula, Selingsing
Tarikh: 12 Disember 2013

- ii. **Mengikut maklum balas daripada PDT Kerian bertarikh 15 Januari 2014, projek ini telah disiapkan sepenuhnya pada 21 Jun 2012. Tempoh tanggungan kecacatan bagi projek ini adalah selama 6 bulan. Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian telah menyerahkan gelanggang ini kepada pihak JKKK setelah tamat tempoh tanggungan kecacatan. Gelanggang ini sememangnya digunakan oleh penduduk kampung terutamanya golongan belia untuk aktiviti riadah. Kehilangan dan kerosakan pagar yang berlaku adalah disebabkan kegiatan vandalisme dan di luar kawalan PDT Kerian. Sehubungan itu, pihak JKKK adalah dikehendaki memainkan peranan dalam memastikan fasiliti yang telah dibangunkan dan diserahkan untuk pengawasan berada dalam keadaan baik.**

e. Projek Siap Tetapi Dirobuhkan

- i. **Projek Membina Bilik Air, Tandas Dan Longkang Di Dewan Merdeka, Kg. Changkat Perah, Mukim Batu Kurau**
 - Projek membina bilik air dan tandas serta longkang di Dewan Merdeka, Changkat Perah, Mukim Batu Kurau Daerah Larut Matang dan Selama dengan kos RM23,900 dan telah disiapkan sepenuhnya pada 18 Jun 2012. Kos utama berjumlah RM17,500 adalah untuk membina binaan berukuran 25' x 10' bagi menempatkan sebuah tandas. Lawatan Audit pada 26 November 2013 mendapati sebahagian binaan tandas telah dirobok dan longkang dipecahkan untuk kerja-kerja pembesaran dan naik taraf Dewan

Merdeka yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**. Perkara ini berlaku kerana tiada penyelarasan atau koordinasi antara agensi pelaksana projek iaitu PDT Larut, Matang dan Selama dan pihak KKLW. Akibatnya, berlaku kerja yang bertindih di tapak projek.

Gambar 3.7
Sebahagian Binaan Tandas
Telah Diroboh Dan Dipecahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Changkat Perah, Batu Kurau
Tarikh: 27 November 2013

Gambar 3.8
Longkang Telah
Dipecahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Changkat Perah, Batu Kurau
Tarikh: 27 November 2013

- **Mengikut maklum balas daripada PDT Larut, Matang Dan Selama bertarikh 13 Januari 2014, projek ini telah disiapkan dengan sempurna dan mengikut perincian dan spesifikasi yang telah ditetapkan pada 15 Disember 2011 dan penyerahan projek telah dibuat kepada Pengerusi JKKK setelah projek tersebut siap. Semasa lawatan Audit, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perak (PPNP) sedang dalam pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf keseluruhan bangunan astaka termasuk tandas, longkang, bangunan dewan tertutup, pagar dan bumbung dengan peruntukan berjumlah RM1.5 juta. Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh PPNP tiada dibuat penyelarasan daripada aspek skop kerja dan menyebabkan kerja yang telah disiapkan oleh PDT Larut, Matang Dan Selama pada 2011 bertindih.**

ii. Projek Membaiki Jalan Masuk Ke Asrama Sekolah Rendah Islam Al-Ehya Assharif, Gunung Semangol

- Projek dengan kos berjumlah RM20,000 telah disiapkan sepenuhnya pada 5 Disember 2011. Ia adalah jalan masuk menuju ke Asrama Sekolah Rendah Islam Al-Ehya Assharif (SRIAA) yang boleh dilalui oleh kenderaan seperti kereta dan motosikal. Lawatan Audit pada 12 Disember 2013 mendapati kerja-kerja pemasangan paip utama air Daerah Larut Matang dan Selama sedang giat dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh Lembaga Air Perak (LAP). Sebahagian jalan yang telah dibina sebelumnya oleh PDT Kerian

dengan kos RM20,000 terpaksa dipecahkan. Akibatnya kemudahan jalan akses ke asrama SRIAA tidak dapat digunakan dan penyelia serta kakitangan asrama terpaksa meletakkan kenderaan di tempat yang jauh dan berjalan kaki ke asrama berkenaan. Kerja-kerja pemasangan paip air yang melibatkan jalan masuk ke asrama berkenaan adalah seperti di **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10**. Perkara ini berlaku kerana tiada penyelarasan atau koordinasi antara agensi pelaksana projek iaitu PDT Kerian dan LAP.

Gambar 3.9
Kerja Pemasangan Paip
Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gula, Selingsing
Tarikh: 12 Disember 2013

Gambar 3.10
Paip Utama Di Bawah Jalan
Yang Telah Dipecahkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Gula, Selingsing
Tarikh: 12 Disember 2013

- **Mengikut maklum balas PDT Kerian bertarikh 15 Januari 2014, sebahagian jalan yang telah dibina terpaksa dipecahkan akibat kerja-kerja pemasangan paip utama yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh LAP. Perkara ini berlaku kerana tiada penyelarasan atau koordinasi antara PDT Kerian dan LAP memandangkan PDT Kerian sendiri tidak dimaklumkan oleh pihak LAP mengenai kerja pemasangan paip ini. Walau bagaimanapun, PDT Kerian telah menjalankan siasatan dan mendapati pihak terbabit telah membaiki semula jalan tersebut kerana ia termasuk dalam skop kerja pemasangan paip utama.**

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan fizikal projek adalah memuaskan kerana projek yang dirancang berjaya disiapkan walaupun ada sebilangan kecil projek yang lewat disiapkan namun denda telah dikenakan kepada kontraktor.

3.4.2. Pemantauan

Bagi memastikan setiap projek kecil yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik adalah memuaskan serta mematuhi spesifikasi yang ditetapkan pihak PDT sebagai agensi

pelaksana perlu mengenakan syarat yang seragam kepada kontraktor dan sentiasa menjalankan pemantauan yang berterusan.

3.4.2.1. Pemantauan Di Peringkat Unit Perancang Ekonomi Negeri Dan Pejabat Daerah

Pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) adalah pemegang waran peruntukan untuk projek kecil yang dilaksanakan di 10 daerah di negeri Perak. Selepas kelulusan sesuatu projek kecil diperolehi, waran peruntukan kecil atau arahan melaksanakan kerja dikeluarkan kepada PDT sebagai agensi pelaksana yang menyelia, memeriksa, memantau dan mengesahkan projek yang dilaksanakan. Ketiga-tiga PDT yang dilawati telah melaksanakan pemantauan terhadap projek dengan memuaskan. Di peringkat PDT, pelaksanaan projek dipantau oleh Penolong Jurutera dan Ketua Penolong Pegawai Daerah Pembangunan. Pemantauan dibuat secara lawatan fizikal dan semua projek yang dilaksanakan mempunyai gambar sebelum, sedang dan selepas projek siap. Manakala pihak UPEN pula memantau kemajuan projek dan perbelanjaan peruntukan melalui laporan yang disediakan setiap bulan oleh PDT iaitu secara atas talian (*online*) menerusi Sistem Permohonan Dan Pemantauan P.02 yang mula digunakan pada tahun 2012.

3.4.2.2. Coring Test Tidak Dilaksanakan

Proses membina jalan baru merangkumi kerja-kerja antaranya seperti membersihkan tapak bina daripada pokok-pokok, tunggul kayu dan akar, memadatkan tanah, menghampar *crusher run* dan memadatkannya serta menghampar *premix* serta memampatkannya. Ketebalan setiap lapisan jalan perlu dinyatakan dalam *Bill of Quantities (BQ)*. Apabila jalan telah siap dibina, pengukuran ketebalan setiap lapisan dapat ditentukan dengan menjalankan ujian iaitu *coring test*. Ujian ini adalah penting untuk memastikan kontraktor telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam *BQ*. Hasil pengauditan mendapati *coring test* yang dilaksanakan di ketiga-tiga daerah yang dilawati adalah tidak seragam. Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang dan Selama melaksanakan *coring test* bagi projek yang kosnya melebihi RM10,000 manakala PDT Manjung pula melebihi RM20,000 sementara PDT Kerian langsung tidak melaksanakan *coring test*.

3.4.2.3. Bill Of Quantities Tidak Disediakan Dengan Terperinci

Bill of Quantities adalah dokumen yang menyenaraikan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan secara terperinci bagi membolehkan penyebut harga meletakkan harga kerja dan disediakan oleh seorang yang terlatih dan berkelayakan. Ia juga menyenaraikan secara terperinci bahan binaan yang digunakan, alat ganti dan upah kerja serta kos yang terlibat. Pemeriksaan terhadap 144 *BQ* mendapati:

- a. Sebahagian perkiraan kos atau caj kadar yang dikenakan adalah secara pukal (*lump sum*) iaitu tiada perincian terhadap caj berdasarkan jenis kerja yang dilakukan

kontraktor. Perkiraan secara pukal masih dilaksanakan di ketiga-tiga PDT yang dilawati Audit.

- b. Bagi projek membina, melebar atau membaik pulih jalan, ukuran yang dikenakan adalah tidak seragam di ketiga-tiga PDT yang dilawati iaitu ada PDT yang menggunakan ukuran keluasan dalam unit meter persegi manakala ada juga PDT yang menggunakan ukuran panjang dan kelebaran.

3.4.2.4. Pengukuran Semula Tidak Dilaksanakan

Bayaran terhadap kerja kontrak yang dilakukan hanya boleh dibuat setelah kerja-kerja disiapkan berasaskan *BQ*. Pejabat Daerah Dan Tanah akan membuat bayaran setelah kedua-dua pihak iaitu kontraktor dan PDT mencapai persetujuan selepas pengukuran semula dibuat. Pemeriksaan Audit mendapati PDT Larut, Matang Dan Selama dan Kerian telah melaksanakan pengukuran semula bersama dengan kontraktor untuk menentukan kos sebenar projek. Pengukuran semula ini direkodkan oleh Juruteknik PDT dalam *BQ*. Bagaimanapun, pegawai teknikal daripada Unit Pembangunan PDT Manjung hanya membuat lawatan tapak dan mengesahkan bahawa kerja telah siap dilaksanakan tanpa membuat pengukuran semula.

3.4.2.5. Mengikut maklum balas daripada pihak UPEN bertarikh 15 Januari 2014, satu surat arahan akan dikeluarkan kepada semua PDT di Negeri Perak supaya mematuhi keseragaman pelaksanaan *coring test*, penyediaan *Bill of Quantities* serta pengukuran semula di semua daerah.

Pada pendapat Audit, pemantauan adalah tidak memuaskan kerana syarat yang dikenakan kepada kontraktor berkaitan penyediaan *Bill of Quantities* dan pengukuran semula yang tidak seragam di 3 daerah yang dilawati Audit. Selain itu, pihak UPEN juga tidak melawat tapak projek bagi memantau pelaksanaannya.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan projek kecil, Unit Perancang Ekonomi Negeri, PDT Larut, Matang Dan Selama, PDT Kerian dan PDT Manjung adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.5.1. PDT hendaklah memastikan semua kemudahan yang disediakan untuk manfaat masyarakat setempat ada digunakan bagi mengelak pembaziran.

3.5.2. Unit Perancang Ekonomi mengeluarkan segera surat arahan kepada semua PBT berhubung kemestian melaksanakan *coring test*, penyediaan *Bill of Quantities* dan pengukuran semula.

3.5.3. Memastikan penyelarasan atau koordinasi antara agensi pelaksana projek ada dibuat.

3.5.4. PDT melakukan lawatan ke tapak projek sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan bagi memastikan projek atau kemudahan yang rosak dapat segera diganti atau dibaiki.

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

4. ROYAL PERAK GOLF CLUB BERHAD

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Royal Perak Golf Club Berhad (Syarikat) adalah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) yang memiliki 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan sebagai syarikat awam liabiliti terhad pada 16 Februari 2006 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2012 modal dibenarkan Syarikat adalah RM10 juta dan modal berbayar RM8 juta. Sebelum penubuhan Syarikat, kemudahan golf dan kelab ini telah wujud sejak tahun 1900 sebagai Ipoh Golf Club (IGC), Perak Turf Club Sports (PTCSC) pada tahun 1950 dan Kelab Golf Diraja Perak (KGDP) mulai tahun 1979.

4.1.2. Penubuhan Syarikat adalah sebagai operator bagi menguruskan dan menyelenggara kemudahan aktiviti berkaitan golf, sukan dan rekreasi kepada ahli dan tetamu yang dibenarkan melalui pengurusan kelab golf. Syarikat ini mengendali padang golf 18 lubang dan akademi golf di kawasan tanah seluas 58.7 hektar. Pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi seperti 2 gelanggang *squash*, 5 gelanggang tenis, bilik snuker, kolam renang, *gymnasium*, *ballroom* dan *coffee house* juga disediakan di kawasan *Club House* seluas 4 hektar. Sehingga bulan Ogos 2013, keahlian Syarikat adalah seramai 3,440 ahli.

4.1.3. Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada seorang Pengerusi dan 8 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dan melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum & Artikel (M&A) dan Akta Syarikat 1965. Syarikat pula diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab menguruskan aktiviti harian syarikat serta melaporkan hal ehwal syarikat kepada Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu 5 orang Pengurus dan Eksekutif yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Pentadbiran dan Kewangan, Makanan dan Minuman serta Keselamatan, Keahlian, Sukan/Penyenggaraan dan *Golf Course*. Selain itu, Syarikat menubuhkan 6 jawatankuasa yang dianggotai oleh Lembaga Pengarah dan ahli bagi membantu pengurusan Syarikat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan. Pengurusan aktiviti pula dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan berkesan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat dengan tumpuan terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang dilaksanakan bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend yang dilakukan berdasarkan kepada penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Semakan dibuat terhadap rekod serta dokumen yang berkaitan bagi tempoh 3 tahun. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai-pegawai Syarikat yang terlibat serta lawatan ke tapak kawasan *Club House*.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan September hingga Oktober 2013 mendapati prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Syarikat adalah baik. Bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, Syarikat mencatat keuntungan bersih masing-masing sejumlah RM1.34 juta, RM1.28 juta dan RM0.51 juta. Manakala keuntungan terkumpul pada tahun 2012 adalah berjumlah RM3.26 juta. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhan. Secara ringkasnya berikut adalah penemuan Audit yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan:

- Sungguhpun Syarikat mendapat keuntungan 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2010, margin keuntungan bersih Syarikat mengalami kemerosotan daripada 18% pada tahun 2010 dan 2011 kepada 15% pada tahun 2012 bagi setiap ringgit jualan. Selain itu, dividen tidak dibayar kepada pemegang saham.
- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan manakala Unit Audit Dalam (UAD), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) tidak menjalankan pengauditan terhadap Syarikat.

4.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Tahun kewangan Syarikat bermula pada 1 Januari dan berakhir 31 Disember. Analisis trend dan Analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati Syarikat telah mencatat keuntungan bersih berjumlah RM1.34 juta pada tahun 2010. Bagaimanapun, prestasi Syarikat telah merosot sedikit pada tahun 2011 dengan mencatat keuntungan bersih berjumlah RM1.28 juta. Penurunan kecil keuntungan pada tahun 2011 berbanding 2010 sejumlah RM0.06 juta atau 5% disebabkan oleh penurunan pendapatan

langsung dan peningkatan kos jualan serta perbelanjaan pentadbiran. Pada tahun 2012, Syarikat juga mengalami penurunan keuntungan bersih menjadi sejumlah RM0.51 juta. Penurunan ketara keuntungan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 berjumlah RM0.77 juta atau 60% disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan cukai sejumlah RM0.51 juta serta penurunan pendapatan langsung Syarikat bagi yuran kemasukan ahli dan yuran pertukaran keahlian.

- b. Pendapatan utama Syarikat adalah diperolehi daripada pendapatan operasi kelab iaitu operasi golf, penjualan makanan dan minuman, sukan dan rekreasi, yuran-yuran keahlian dan pengurusan. Analisis Audit mendapati pendapatan langsung pada tahun 2010 berjumlah RM7.44 juta. Pada tahun 2011, pendapatan utama telah menurun sejumlah RM0.04 juta atau 0.5% menjadi sejumlah RM7.40 juta. Penurunan kecil ini disebabkan pengurangan pendapatan perkhidmatan yuran pertukaran keahlian. Pada tahun 2012, terdapat penurunan pendapatan sejumlah RM0.10 juta atau 1.5% berbanding tahun 2011. Penurunan ketara adalah disebabkan oleh penurunan pendapatan yuran kemasukan ahli dan yuran pertukaran keahlian. Sungguhpun begitu, pendapatan daripada operasi golf serta yuran langganan meningkat. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Pendapatan Langsung Syarikat Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Butiran	Tahun		
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
1.	Jualan Makanan Dan Minuman	0.67	0.86	0.84
2.	Pendapatan Operasi Golf	1.10	1.13	1.16
3.	Sukan dan Rekreasi	0.01	0.02	0.02
4.	Yuran Kemasukan Ahli	0.02	0.12	0.04
5.	Yuran Pertukaran Keahlian	0.78	0.43	0.39
6.	Yuran Lesen Tahunan	0.19	0.19	0.20
7.	Yuran Langganan	3.74	3.68	3.70
8.	Yuran Pengurusan	0.93	0.93	0.93
9.	Denda Lewat bayaran	-	0.04	0.02
Jumlah		7.44	7.40	7.30

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat


- c. Perbelanjaan langsung Syarikat merupakan kos jualan yang berjumlah RM2.04 juta, RM2.18 juta dan RM2.33 juta masing-masing pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Kos ini terdiri daripada kos perbelanjaan pembelian stok dan kos perbelanjaan operasi langsung iaitu perbelanjaan keahlian, makanan dan minuman, operasi golf, padang golf, sukan dan rekreasi dan pembangunan kelab. Analisis Audit mendapati kos jualan Syarikat pada tahun 2010 berjumlah RM2.04 juta dan telah meningkat sejumlah RM0.14 juta atau 7% pada tahun 2011. Manakala, pada tahun 2012, kos jualan sekali lagi meningkat sejumlah RM0.15 juta atau 7% berbanding tahun 2011. Peningkatan ketara kos jualan kedua-dua tahun ini disebabkan oleh kenaikan kos penyenggaraan padang golf.

- d. Perbelanjaan tidak langsung Syarikat adalah perbelanjaan pentadbiran, utiliti kelab, *housekeeping* dan keselamatan. Pada tahun 2010, perbelanjaan tidak langsung Syarikat adalah sejumlah RM3.58 juta dan telah meningkat kepada sejumlah RM3.62 juta pada tahun 2011. Peningkatan kecil perbelanjaan tidak langsung sejumlah RM0.04 juta atau 1% pada tahun 2011 disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pentadbiran dan utiliti kelab serta penurunan perbelanjaan *housekeeping*. Manakala, pada tahun 2012, perbelanjaan tidak langsung syarikat telah meningkat sejumlah RM0.19 juta atau 5% berbanding tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan kenaikan perbelanjaan pentadbiran dan utiliti kelab seperti gaji dan upah serta susut nilai.
- e. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan terkumpul Syarikat bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.2**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

Jadual 4.2
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Tercumpul Syarikat

Butiran	Tahun		
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	7.44	7.40	7.30
Kos Jualan	(2.04)	(2.18)	(2.33)
Untung Kasar	5.40	5.22	4.97
Pendapatan Lain	0.02	0.08	0.09
Perbelanjaan Pentadbiran	(3.58)	(3.62)	(3.81)
Kos Kewangan	(0.48)	(0.35)	(0.18)
Keuntungan Sebelum Cukai	1.36	1.33	1.07
Cukai	(0.02)	(0.05)	(0.56)
Keuntungan Bersih	1.34	1.28	0.51
Keuntungan Tercumpul	1.47	2.75	3.26

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, analisis Nisbah telah dibuat terhadap butiran yang ditunjukkan pada Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Butiran	Tahun		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	0.52: 1	1.32: 1	2: 1
Margin Untung/Rugi Bersih	18%	18%	15%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.04: 1	0.04: 1	0.04: 1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.27: 1	0.17: 1	0.13: 1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan Syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan Syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit menunjukkan Nisbah Semasa Syarikat pada tahun 2012 mencapai norma 2:1. Manakala, Nisbah Semasa Syarikat pada tahun 2010 dan 2011 adalah di bawah paras norma 2:1 iaitu masing-masing 0.52:1 dan 1.32:1. Kedudukan nisbah ini menunjukkan Syarikat dalam proses menambah baik kecairan aset bagi menampung keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan Syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah kedudukan Syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya mencatat keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati Syarikat telah mencatat margin keuntungan bersih pada setiap ringgit jualan iaitu 18%, 18% dan 15% masing-masing pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Ini menunjukkan aktiviti urus niaga Syarikat berupaya dalam menjana keuntungan tetapi pada tahun 2012, Syarikat mengalami kemerosotan keuntungan daripada 18% kepada 15% bagi setiap ringgit jualan.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Pada umumnya, lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan dengan penggunaan aset. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Aset Syarikat pada tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah sama iaitu 0.04:1. Ini menunjukkan aset Syarikat tidak digunakan secara optimum untuk menjana keuntungan.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti adalah untuk mengukur kecekapan syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana Syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti adalah 0.27:1 pada tahun 2010, 0.17:1 pada tahun 2011 dan 0.13:1 pada tahun 2012. Penurunan nisbah ini disebabkan peningkatan jumlah ekuiti pada tahun 2011 dan 2012 daripada RM5 juta kepada RM8 juta serta penurunan keuntungan bersih Syarikat. Ini menunjukkan Syarikat masih belum mampu memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham.

4.4.1.3. Maklum balas bertarikh 15 Januari 2014 adalah seperti berikut:

- a. Mulai tahun 2010 ahli-ahli yang memiliki Keahlian Boleh Pindah milik boleh menjual atau memindah milik keahlian kepada pihak kedua dengan bayaran yuran sebanyak RM3,500. Yuran pertukaran ahli ini telah menjana hasil yang tinggi pada tahun pertama ianya dilaksanakan.**
- b. Yuran kemasukan ahli menurun disebabkan penjualan keahlian baru kurang mendapat sambutan dan ada yang lebih berminat untuk membeli daripada ahli yang lama. Walau bagaimanapun, bagi tujuan promosi pihak syarikat ada**

menawarkan skim ansuran bulanan bagi pembelian keahlian untuk tempoh 5 tahun (tanpa faedah) bagi menarik minat pembeli baru.

- c. Salah satu faktor penurunan keuntungan bersih syarikat adalah disebabkan bayaran cukai. Syarikat adalah tertakluk kepada cukai syarikat yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat adalah baik. Keuntungan terkumpul Syarikat meningkat daripada RM1.47 juta pada tahun 2010 kepada RM3.26 juta pada tahun 2012.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Royal Perak Golf Club Berhad (Syarikat) berperanan sebagai operator mengurus dan menyelenggara kemudahan aktiviti berkaitan golf, sukan dan rekreasi kepada ahli dan tetamu yang dibenarkan. Bagi menilai prestasi pengurusan aktiviti Syarikat, pihak Audit membuat pemeriksaan berdasarkan perkara berikut:

4.4.2.1. Prestasi Keahlian


Keahlian kelab memainkan peranan penting dalam kejayaan sesebuah kelab golf melalui pendapatan yuran keahlian yang diperolehi. Berdasarkan Penyata Kelab Golf setakat September 2013 yang dikeluarkan di bawah Seksyen 90, Akta Syarikat 1965, keahlian maksimum kelab yang diluluskan oleh Pendaftar Syarikat adalah seramai 4,500 orang untuk keahlian golf dan seramai 4,000 orang untuk keahlian sosial. Semakan Audit mendapati Syarikat menawarkan 7 jenis keahlian golf dan 2 jenis keahlian sosial atau bukan golf. Berdasarkan jumlah keahlian keseluruhan Syarikat daripada tahun 2011 hingga 2013, tiada pertambahan ketara keahlian di mana bilangan ahli keseluruhan adalah di antara 39.7% hingga 40.5%. Pada tahun 2011, jumlah keahlian adalah seramai 3,406 (40.1%) dan berkurangan seramai 32 orang pada tahun 2012. Manakala, pada tahun 2013 terdapat peningkatan ahli seramai 66 orang. Semakan Audit seterusnya mendapati keahlian golf tahun 2011 hingga 2012 telah mencapai antara 73.6% hingga 75% daripada maksimum keahlian yang diluluskan (seramai 4,500). Bagaimanapun, keahlian sosial bagi tahun 2011 hingga 2013 masih di bawah paras 2% daripada jumlah keahlian maksimum (seramai 4,000) yang diluluskan. Sungguhpun begitu, keahlian sosial hanyalah merupakan nilai tambah kepada operasi keahlian kerana sasaran utama adalah keahlian golf. Butiran lanjut mengenai jumlah keahlian adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.3** berikut:

Jadual 4.4
Prestasi Keahlian Kelab Tahun 2011 Hingga Julai 2013

Bil.	Butiran Keahlian		2011	Prestasi		2012	Prestasi		2013	Prestasi (Sehingga Julai)	
				Jumlah	(%)		Jumlah	(%)		Jumlah	(%)
1.	Golf	Kehormat	34	3,351	74.5	33	3,314	73.6	44	3,378	75.1
2.		Individu - BPM	2,899			2,901			2,907		
3.		Individu –TBPM	416			378			380		
4.		Korporat	2			2			2		
5.		Bersyarat	-			-			-		
6.		Individu Kerajaan -BPM	-			-			28		
7.		Individu Kerajaan – TBPM	-			-			17		
8.	Sosial	Individu Sosial -BPM	36	55	1.4	41	60	1.5	43	62	1.6
9.		Individu Sosial - TBPM	19			19			19		
Jumlah			3,406	3,406	40.1	3,374	3,374	39.7	3,440	3,440	40.5

Sumber: Rekod Syarikat

*Nota: BPM - Boleh Pindah milik TBPM - Tidak Boleh Pindah milik



Sumber: Rekod Syarikat

4.4.2.2. Prestasi Pendapatan Aktiviti Keahlian

Syarikat telah melantik United Overseas Bank (UOB) untuk menguruskan program keahlian kelab, mengeluarkan kad kelab, menguruskan bil dan penyata bulanan ahli, menguruskan kawalan kredit ahli serta kutipan caj daripada ahli. Analisis Audit mendapati secara keseluruhan prestasi kutipan daripada aktiviti keahlian berbanding anggaran mencapai tahap 94.1% bagi tahun 2011 dan 98.0% bagi tahun 2012. Manakala bagi tahun 2013 sejumlah RM2.58 juta atau 58.9% telah dikutip sehingga bulan Julai

berbanding anggaran berjumlah RM4.38 juta. Pendapatan utama aktiviti keahlian adalah daripada kutipan yuran bulanan tahun 2011, 2012 dan sehingga bulan Julai 2013 yang masing-masing berjumlah RM3.68 juta, RM3.70 juta dan RM2.14 juta. Butiran kutipan aktiviti keahlian adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Hasil Aktiviti Keahlian Tahun 2011 Hingga Julai 2013

Bil.	Butiran Kutipan	2011			2012			Sehingga Julai 2013		
		Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%
1.	Yuran Bulanan	3.75	3.68	98.1	3.70	3.70	100.0	3.70	2.14	57.8
2.	Yuran Pertukaran Ahli	0.84	0.44	52.4	0.30	0.39	130.0	0.42	0.17	40.5
3.	Yuran Tahunan	-	0.19	100.0	0.20	0.20	100.0	0.21	0.20	95.2
4.	Jualan Keahlian	0.16	0.12	75.0	0.24	0.04	16.6	0.05	0.06	120.0
5.	Caj Bayaran Lewat	-	0.04	100.0	-	0.02	100.0	-	0.008	100.0
Jumlah		4.75	4.47	94.1	4.44	4.35	98.0	4.38	2.58	58.9

Sumber: Rekod Syarikat

4.4.2.3. Prestasi Pendapatan Aktiviti Golf


Pendapatan bagi aktiviti golf terdiri daripada *Green Fees*, pertandingan golf, insurans golf tahunan dan harian, sewaan *buggy*, *pro shop*, *driving range*, troli dan lokar. Analisis Audit mendapati pendapatan daripada aktiviti golf bagi tahun 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM1.13 juta dan RM1.16 juta mencapai melebihi 96% sasaran tahunan. Manakala bagi tahun 2013 sehingga bulan Julai, kutipan adalah sejumlah RM0.69 juta atau 59% daripada yang disasarkan. Analisis seterusnya menunjukkan pendapatan sewaan *buggy* dan *greens fees* yang mewakili 82% sasaran hasil aktiviti golf telah mencapai pada tahap yang baik iaitu antara 83.6% hingga 102.8%. Butiran kutipan aktiviti keahlian adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.4**.

Jadual 4.6
Prestasi Pendapatan Aktiviti Golf Tahun 2011 Hingga Julai 2013

Bil.	Perkhidmatan Golf	2011			2012			Sehingga Julai 2013		
		Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	%
1.	<i>Greens Fees</i>	300,000	250,860	83.6	300,000	269,060	89.7	300,000	167,395	55.8
2.	Sewaan <i>Buggy</i>	660,000	671,738	101.8	660,000	678,340	102.8	660,000	422,810	64.1
3.	Pertandingan Golf	72,000	45,993	63.9	60,000	56,565	94.3	60,000	9,600	16.0
4.	Insurans Golf	11,700	11,289	96.5	11,700	11,638	99.5	11,700	9,681	82.7
5.	Sewaan <i>Pro Shop & Driving Range</i>	120,000	120,000	100.0	120,000	120,000	100	120,000	70,000	58.3
6.	Sewaan Troli & Lokar	14,400	34,740	241.3	14,400	26,255	182.3	24,600	14,920	60.7
Jumlah		1,178,100	1,134,620	96.3	1,166,100	1,161,858	99.6	1,176,300	694,406	59.0

Sumber: Rekod Syarikat

Carta 4.4
Prestasi Pendapatan Aktiviti Golf
Bagi Tahun 2011 Hingga Julai 2013



Sumber: Rekod Syarikat


4.4.2.4. Prestasi Pendapatan Aktiviti Sukan Dan Rekreasi

Pendapatan bagi aktiviti sukan dan rekreasi adalah terdiri daripada yuran pengurusan dan komisen latihan sukan. Sebanyak 20% daripada yuran yang dikutip oleh jurulatih yang memberi khidmat latihan seperti tenis, *squash*, latihan berenang, *wushu* dan *line dance* akan diakaunkan sebagai komisen latihan sukan. Analisis Audit mendapati pendapatan daripada aktiviti sukan dan rekreasi tahun 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM0.94 juta dan RM0.95 juta iaitu mencapai sasaran tahunan ditetapkan. Bagi tahun 2013 sehingga bulan Julai, jumlah kutipan adalah berjumlah RM0.55 juta iaitu 58.5% berbanding sasaran sejumlah RM0.94 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7** dan **Carta 4.5**.

Jadual 4.7
Prestasi Pendapatan Aktiviti Sukan Dan Rekreasi Tahun 2011 Hingga Julai 2013

Bil.	Butiran	2011			2012			Sehingga Julai 2013		
		Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	%	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	%	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	%
1.	Yuran Pengurusan	925,650	925,650	100	925,650	925,650	100	925,650	539,963	58.3
2.	Komisen Latihan Sukan	6,600	18,563	281.3	21,000	20,452	97.4	18,000	12,138	67.4
Jumlah		932,250	944,213	101.3	946,650	946,102	99.9	943,650	552,101	58.5

Sumber: Rekod Syarikat



Sumber: Rekod Syarikat

4.4.2.5. Prestasi Pendapatan Aktiviti Makanan Dan Minuman


Pendapatan perkhidmatan makanan dan minuman Syarikat terdiri daripada jualan di *Membership Cafe* yang diuruskan sendiri oleh Syarikat, sewaan Dewan Bankuet, sewaan Karaoke serta sewaan *outlet* oleh syarikat luar iaitu *Fairway Restaurant*, *Japanese Restaurant* dan *Cabanas Reflexology*. Secara keseluruhan pendapatan daripada aktiviti makanan dan minuman bagi tahun 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM0.86 juta dan RM0.84 juta iaitu melebihi sasaran tahunan. Manakala pendapatan tahun 2013 (setakat Julai) sejumlah RM0.51 juta mencapai 54.6% berbanding sasaran sejumlah RM0.94 juta. Analisis seterusnya mendapati pendapatan jualan di *Membership Café* dan sewaan Dewan Bankuet pada tahun 2011 dan 2012 telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu antara 108.5% hingga 135.5%. Bagaimanapun, pendapatan sewaan *outlet* tahun 2011 berjumlah RM49,000 hanyalah 62.8% berbanding sasaran sejumlah RM78,000. Manakala, bagi tahun 2012, *Japanese Restaurant* telah diuruskan oleh syarikat lain bermula Februari 2012 dan prestasi pendapatan sewaan *outlet* mencapai 89.1%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.8**, **Carta 4.6**.

Jadual 4.8
Prestasi Pendapatan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Tahun 2011 Hingga Julai 2013

Bil.	Butiran Pendapatan	2011			2012			Sehingga Julai 2013		
		Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	%	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	%	Sasaran (RM)	Sebenar (RM)	%
1.	Jualan <i>Membership Café</i>	228,000	263,731	115.7	246,000	266,792	108.5	258,000	171,569	66.5
2.	Sewaan Dewan	396,000	536,390	135.5	456,000	499,452	109.5	570,000	290,090	50.9
3.	Sewaan <i>Outlet</i>	78,000	49,000	62.8	80,500	71,750	89.1	112,200	51,450	45.9
4.	<i>Karaoke Lounge</i>	-	6,214	100.0	42,000	-	-	-	-	-
Jumlah		702,000	855,335	121.8	824,500	837,994	101.6	940,200	513,109	54.6

Sumber: Rekod Syarikat

Carta 4.6
Prestasi Pendapatan Jualan Makanan & Minuman
Bagi Tahun 2011 Hingga Julai 2013



Sumber: Rekod Syarikat

4.4.2.6. Tunggakan Yuran Keahlian

Yuran keahlian kelab perlu dijelaskan pada setiap bulan berdasarkan bil yang dikeluarkan United Overseas Bank (UOB) yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bil dan penyata bulanan ahli. Sehingga 14 November 2013, pihak Audit mendapati seramai 35 ahli mempunyai yuran keahlian tertunggak berjumlah RM46,970. Sungguhpun begitu, tunggakan yuran ini masih lagi dalam kawalan kerana Syarikat akan membuat potongan melalui yuran tahunan ahli apabila tunggakan mencapai pada tahap maksimum dengan jumlah baki yuran lesen tahunan. Selain itu, ahli yang gagal menjelaskan bayaran tidak akan dibenarkan untuk menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Syarikat. Butiran terperinci tunggakan yuran keahlian sehingga 14 November 2013 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Tunggakan Yuran Keahlian Sehingga 14 November 2013

Bil.	Kategori Keahlian	Bil. Keahlian	Jumlah (RM)
1.	Individu – Keahlian Boleh Pindah milik	29	42,354
2.	Individu – Keahlian Tidak Boleh Pindah milik	6	4,616
Jumlah		35	46,970

Sumber: Rekod Syarikat

4.4.2.7. Penyenggaraan Kemudahan Kelab

Bagi memastikan kemudahan yang disediakan sentiasa dalam keadaan baik, penyenggaraan secara berjadual perlu dilakukan seperti yang telah ditetapkan. Ini bertujuan supaya pengunjung berasa selesa apabila menggunakan kemudahan yang disediakan selaras dengan visi Syarikat untuk menjadi kelab golf nombor 1 di Negeri Perak. Pemeriksaan Audit terhadap kemudahan dan infrastruktur golf, akademi golf, kemudahan sukan dan rekreasi, *golf buggies* dan landskap disediakan dalam keadaan

baik dan disenggara dengan cekap. **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.10** menunjukkan kemudahan kelab yang disediakan.

Gambar 4.1
Dewan Jubilee



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Club House*
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.2
Restoran The Fairway



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Club House*
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.3
Padang Golf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Golf Syarikat
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.4
Driving Range



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Akademi Golf Syarikat
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.5
Laluan Buggy



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Laluan *Buggy* Syarikat
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.6
Buggy Disusun Mengikut Nombor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tempat Simpanan *Buggy*
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.7
Gelanggang Squash



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Club House*
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.8
Gelanggang Tennis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Club House*
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.9
Gimnasium



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Club House*
Tarikh: 1 Oktober 2013

Gambar 4.10
Kolam Renang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: *Club House*
Tarikh: 1 Oktober 2013

4.4.2.8. Aktiviti Pemasaran Dan Promosi

Pemasaran dan promosi memainkan peranan penting dalam menjayakan aktiviti sesebuah kelab golf. Selain itu strategi pemasaran yang berkesan merupakan asas utama bagi menjana keuntungan syarikat dan memperkenalkan kelab kepada orang ramai dalam dan luar negara. Pemeriksaan Audit menunjukkan pemasaran dan promosi telah dijalankan oleh Syarikat seperti melalui laman web rasmi Syarikat, mencetak risalah untuk diedarkan kepada pelanggan, menyalurkan maklumat kepada Kementerian Pelancongan Malaysia dan *Tourism Perak Management Centre*, papan iklan dan kain rentang di beberapa lokasi dan mengiklankan program-program Syarikat dalam majalah *The ClubHouse*. Syarikat juga menawarkan promosi kepada ahli kelab yang berjaya membawa masuk ahli baru ke Syarikat dengan menawarkan beberapa kelebihan seperti kupon makanan bernilai RM150 bagi ahli boleh pindah milik dan RM100 kupon makanan kepada ahli tidak boleh pindah milik. Selain itu, Syarikat juga mengadakan pertandingan golf bagi tujuan promosi. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 119

pertandingan telah dijalankan. Butiran pertandingan yang dijalankan adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Bilangan Pertandingan Golf Anjuran Syarikat
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bulan												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	
2011	3	3	3	5	3	4	3	-	4	4	4	3	39
2012	3	4	3	4	5	3	4	-	4	4	4	3	41
2013	2	2	2	4	5	3	3	1	6	4	5	2	39
Jumlah													119

Sumber: Rekod Syarikat

4.4.2.9. Mengikut maklum balas bertarikh 15 Januari 2014, pihak Syarikat akan sentiasa mengekalkan tahap pengurusan aktiviti yang terbaik bagi menjana kepentingan ahli-ahli kelab. Kemudahan bagi aktiviti golf dan sosial akan dipantau dari semasa ke semasa bagi menjamin kualiti servis yang bagus kepada ahli. Pihak kelab juga akan mempergiatkan aktiviti promosi untuk menambah bilangan ahli kelab.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah baik. Pendapatan aktiviti utama Syarikat iaitu aktiviti keahlian mencapai melebihi 94% berbanding sasaran. Manakala penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan golf dan sukan untuk ahli diurus dengan baik dan diselenggara dengan cekap.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat serta pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati tadbir urus korporat Syarikat adalah baik dari segi aspek peraturan dan prosedur kerja, pelantikan Lembaga Pengarah dan rancangan korporat kecuali perkara berikut:

4.4.3.1. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pegawai Eksekutif (*CEO*) Syarikat telah dilantik secara kontrak sejak tahun 2006 dan kontrak terkini adalah berkuat kuasa untuk tempoh 3 tahun mulai 15 Februari 2011 hingga 14 Februari 2014. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, pelantikan Ketua Eksekutif Syarikat hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan Badan Berkanun. Pemeriksaan Audit mendapati pelantikan *CEO* ini telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat tetapi tidak dikemukakan untuk

tindakan kelulusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI). **Mengikut maklum balas bertarikh 16 Januari 2014, pihak Syarikat akan mendapatkan pengesahan daripada pihak SSI berhubung pelantikan CEO.**

4.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Serta Unit Audit Dalam

- a. Mengikut Buku Hijau Program Transformasi GLC, Syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat-syarikat Kerajaan supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan dan melaporkan kepada Kerajaan sebagai pemegang saham mengenai perkara-perkara yang dilaksanakan di dalam terma rujukan dan juga perkara-perkara penting yang memerlukan perhatian dan tindakan Kerajaan. Pemeriksaan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan peringkat Syarikat mahupun SSI.
- b. Unit Audit Dalam (UAD) pula merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Pemeriksaan Audit mendapati UAD tidak ditubuhkan sama ada peringkat Syarikat ataupun SSI dan UAD Pejabat SUK juga tidak menjalankan pengauditan terhadap Syarikat.
- c. **Mengikut maklum balas bertarikh 16 Januari 2014, buat masa ini pihak Syarikat dibantu oleh beberapa jawatankuasa kecil yang memantau operasi kelab. Pihak Syarikat juga ada menjalankan pemeriksaan dalaman dari semasa ke semasa yang dilakukan oleh Bahagian Kewangan di bahagian-bahagian yang mempunyai stok/bekalan seperti Bahagian Golf Course dan Housekeeping. Bagaimanapun, pihak Syarikat akan menubuhkan Unit Audit Dalam seperti yang disyorkan oleh pihak Audit mulai tahun 2014.**

4.4.3.3. Corporate Integrity Pact Dan Integrity Pledge

Mengikut amalan terbaik seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010, *Corporate Integrity Pact* perlu dilaksanakan oleh syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah dalam urusan perolehan. Manakala Institut Integriti Malaysia menggalakkan *Corporate Integrity Pledge* yang merupakan satu ikrar anti rasuah diadakan. Semakan Audit mendapati Syarikat masih belum menandatangani *Corporate Integrity Pledge* dan tidak melaksanakan *Corporate Integrity Pact* dalam urusan perolehan seperti yang ditetapkan dalam surat pekeliling. **Mengikut maklum balas bertarikh 16 Januari 2014, pihak Syarikat akan melaksanakan perkara ini mulai tahun 2014.**

4.4.3.4. Bayaran Dividen

Berdasarkan penyata kewangan, Syarikat telah mencatat keuntungan pada tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM1.34 juta, RM1.28 juta dan RM0.51 juta. Manakala keuntungan terkumpul Syarikat sehingga akhir tahun kewangan 2012 adalah berjumlah RM3.26 juta. Pemeriksaan Audit mendapati sejak Syarikat ditubuhkan tiada bayaran dividen kepada Kerajaan Negeri dan tiada penjelasan mengapa dividen tidak dibayar. **Mengikut maklum balas bertarikh 16 Januari 2014, pihak SSI boleh mencadangkan atau meminta daripada Lembaga Pengarah Syarikat untuk pembayaran dividen.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat Syarikat adalah baik. Sungguhpun begitu, Syarikat dicadangkan mematuhi peraturan dan pekeliling yang dikeluarkan berkaitan dengan tadbir urus korporat serta menerima pakai amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) untuk memastikan tadbir urus korporat Syarikat sentiasa pada tahap yang terbaik.

4.5. SYOR AUDIT

Pihak Syarikat disyorkan untuk terus mengekalkan prestasi yang baik dan pada masa yang sama memberi perhatian terhadap peningkatan untung bersih yang mula menurun dan meningkatkan lagi beberapa aspek tadbir urus korporat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu terus memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

3 Februari 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my